
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 18 JUN 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 4, 7, 11 HINGGA 122)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 3, 5, 6, 8 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NO SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG

[MARANG]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan hotel bertaraf empat bintang ke atas yang memiliki sijil halal yang dikeluarkan oleh Perbadanan Halal Development Corporation (HDC).

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

1. Sehingga 31 Mei 2009, HDC telah mengeluarkan sijil Halal kepada 28 buah hotel yang meliputi operasi penyediaan dan pemprosesan makanan di dapur. Dari jumlah tersebut, 57% adalah meliputi hotel bertaraf empat bintang ke atas, di mana 6 buah hotel bertaraf empat bintang dan 10 buah hotel bertaraf lima bintang.

2. Setakat ini tiada undang-undang atau peraturan yang mewajibkan hotel-hotel untuk mendapatkan Pensijilan Halal. Pihak HDC sedang melaksanakan program-program kesedaran tentang pensijilan Halal dikalangan pengguna untuk meningkatkan lagi kefahaman, pengetahuan dan kesedaran untuk memilih hotel yang menyajikan makanan halal. Dengan kaedah tersebut, pihak hotel wajar mengambil inisiatif untuk berusaha supaya mendapat sijil halal sebagai tanda kualiti yang akan meningkatkan lagi keyakinan pengguna terhadap makanan yang disediakan.

Disediakan oleh:

(Zainal Abidin Jaffar)
Pengurus Besar
Bahagian Halal Integriti
Halal Industry Development Corporation (HDC)
No. Telefon Bimbit : 019-2333 598

Disemak oleh:

(Mariam Abdul Latif)
Naib Presiden
Bahagian Halal Integriti
Halal Industry Development Corporation (HDC)
No. Tel. Bimbit : 019-2333 592

NO SOALAN: 62

Diluluskan oleh :

Y.Bhg. Dato' Seri Jamil Bidin
Ketua Pegawai Eksekutif
Halal Industry Development Corporation (HDC)

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2009

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan mengapa Prasarana, Menteri Kewangan dan EPU masih belum mengumumkan hasil kajian pembinaan LRT Subang Jaya yang bernilai RM5 bilion.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Sambungan LRT Aliran Kelana Jaya telah dirancang untuk melalui kawasan Subang Jaya. Kajian terperinci bagi projek tersebut sedang diusahakan oleh perunding rekabentuk terperinci yang telah dilantik oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad yang di antara lain termasuk aspek teknikal dan laluan, keperluan tanah, lokasi stesen dan unjuran penumpang.

2. Maklumat mengenai Projek LRT tersebut akan diumum kepada orang awam setelah kajian terperinci tersebut siap. Menurut Akta Keretapi 1991, orang awam akan diberi peluang untuk memberi pandangan terhadap laluan ini untuk tempoh selama tiga (3) bulan dari tarikh notis pengumuman yang dijangka sebelum hujung tahun ini.

SOALAN NO. 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman (Pendang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program CARI yang dilaksanakan oleh Kementerian dapat mengurangkan beban masyarakat kurang berada dan jumlah peruntukan yang disalurkan setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Matlamat asal Projek CARI iaitu untuk mengesan kumpulan sasar KPWKM yang tercicir dan belum dapat dibantu untuk diberikan bantuan kebajikan yang mereka layak terima. Walau bagaimanapun berikutan daripada kenaikan Pendapatan Garis Kemiskinan yang diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri pada 25 Ogos 2008 daripada RM420 kepada RM720 di Semenanjung; RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah, Projek CARI telah diperluaskan skopnya.

Semenjak projek tersebut dilancarkan dan sehingga 5 Jun 2009, sebanyak 194,978 kes telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 84,486 kes telah diberi bantuan kewangan manakala 63,764 kes masih dalam siasatan dan 46,728 kes tidak

diluluskan. Jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan setakat ini adalah sebanyak RM20.1 juta. Melalui projek tersebut, Kementerian berjaya meringankan beban masyarakat yang memerlukan bantuan serta mengesan kes yang tercicir dan terpinggir.

SOALAN NO. 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD

(KOTA RAJA)

TARIKH : 18 JUN 20089 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan perlaksanaan infrastruktur awam yang mesra orang kurang upaya (OKU) dikuatkuasakan oleh semua institusi Kerajaan serta swasta di seluruh negara dan setakat ini berapa peratus kemudahan awam dan bangunan awam boleh dikira sebagai mesra OKU.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap pelaksanaan infrastruktur awam yang mesra OKU bagi mewujudkan persekitaran bebas halangan di negara ini. Bagi tujuan tersebut, Kementerian menggunakan pendekatan secara *multi sectoral* dan *multi collaboration* dengan agensi-agensi pelaksana infrastruktur awam yang mesra orang kurang upaya (OKU). Antara kerjasama yang dilakukan termasuklah mengadakan perbincangan, mesyuarat dan kempen kesedaran berkaitan penyediaan kemudahan bagi OKU bersama dengan agensi dan Kementerian seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan penyediaan kemudahan dan infrastruktur awam mesra OKU juga direalisasikan melalui penubuhan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang memberi tumpuan khusus kepada isu-isu berkaitan aksesibiliti dan penyediaan kemudahan kepada OKU. Selain dari itu, terdapat Undang-Undang dan Garis Panduan yang sedang berkuatkuasa dan perlu dipatuhi dalam menyediakan infrastruktur awam yang mesra OKU seperti:-

i. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

ii. Garis Panduan " Building Requirements For Disabled Person",

iii. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan OKU.

iv. Manual Standard SIRIM:

a. *SIRIM Code Of Practice MS 1183: Code Of Practice For Means Of Escape For Disabled People.*

b. SIRIM Code Of Practice MS 1184, Code Of Practice For Access For Disabled People To Public Building.

c. SIRIM Code Of Practice MS 1331, Code Of Practice For Access For Disabled People Outside Building

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008, Seksyen 26 (2) juga terdapat peruntukan yang menekankan kepentingan reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses dan penggunaan oleh OKU. Kementerian juga memberi perhatian berkaitan penyediaan kemudahan akses OKU melalui Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Nasional Orang Kurang Upaya. Dasar dan pelan tersebut juga turut memberi penekanan kepada aksesibiliti yang meliputi sub-bidang bangunan awam, pengangkutan, informasi dan komunikasi yang melibatkan pelbagai agensi pelaksana iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, *Construction Industry Development Board* (CIDB), SIRIM, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA).

Tuan Yang di-Pertua,

NO : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 66

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar (Tumpat)

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN : **YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kerajaan untuk menyelesaikan masalah Palestin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Peranan Malaysia sebagai negara yang aktif memperjuangkan isu-isu berkaitan Palestin di pelbagai forum antarabangsa, khususnya dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sememangnya diakui oleh masyarakat antarabangsa. Malaysia juga telah beberapa kali mendesak Majlis Keselamatan PBB agar lebih tegas dalam usahanya memastikan kejayaan Pelan Damai Israel-Palestin. Dalam menjayakan misi ini, Malaysia sedia bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat untuk mencari penyelesaian yang menyeluruh kepada konflik Israel-Palestin yang telah sekian lama berlarutan.

2. Selain usaha di meja rundingan dan saluran diplomatik, langkah terkini Kerajaan dalam usaha mencari penyelesaian bagi konflik Palestin adalah melalui kempen untuk meningkatkan kesedaran mengenai penderitaan yang sedang dialami oleh rakyat Palestin di peringkat nasional serta di peringkat antarabangsa. Kempen yang dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri ini adalah merupakan siri pameran kesedaran mengenai Palestin yang telah berlangsung di Wisma Putra pada 16 Januari 2009 sempena Perasmian Usaha Bantuan Kemanusiaan Antarabangsa, semasa Konsert Malam Demi Mu Palestin di Istana Budaya pada 23 Januari 2009, di Bangunan Parlimen dari 11 hingga 19 Mac 2009 dan di Pusat Dagangan Dunia Putra sempena Perhimpunan Agung UMNO dari 25 hingga 28 Mac 2009.

3. Sebagai tanda sokongan berterusan dan untuk menzahirkan rasa simpati terhadap rakyat Palestin, Kementerian Luar Negeri telah menyokong inisiatif Yayasan Kuala Lumpur Bagi Menjenayahkan Perang (*Kuala Lumpur Foundation To Criminalise War* – KLFCW), yang dipengerusikan oleh Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mengadakan kempen secara meluas melalui siri Pameran dan Forum Untuk Palestin di seluruh negara. Forum pertama anjuran KLFCW telah diadakan pada 5 Februari 2009 di Hotel Crowne Plaza, Kuala Lumpur.

4. Menyedari akan impak pameran dan forum ini hanya dirasai diperingkat dalam negeri, Kementerian Luar Negeri dan KLFCW berpendapat adalah lebih bermanfaat sekiranya siri forum ini diperluaskan ke luar negara dengan matlamat memberi gambaran yang lengkap dan terkini tentang penderitaan sebenar penduduk Gaza kepada warga Barat, khususnya di Eropah. Usaha ini adalah amat penting memandangkan kebanyakan media perdana aliran Barat sengaja menyembunyikan hakikat sebenar tragedi yang berlaku di Gaza.

5. Justeru itu, KLFCW dengan sokongan Kementerian Luar Negeri telah mengadakan Pameran dan Forum Untuk Palestin di London pada 31 Mac 2009. London dipilih berasaskan lokasinya yang sangat sesuai untuk memulakan siri pameran dan forum ini di luar negara kerana ia adalah bandar raya paling strategik untuk menyampaikan mesejnya kepada seluruh warga dunia Barat.

6. Berikutan kejayaan penganjuran pameran dan forum di London, Kementerian Luar Negeri bercadang untuk meneruskan

acara yang serupa di beberapa lokasi lain di Eropah dengan harapan ia akan mencapai hasil dan impak seperti yang telah tercapai di London. Cadangan lokasi-lokasi seterusnya akan dikenal pasti oleh Kerajaan setelah semua faktor-faktor yang terlibat dipertimbangkan dan tertakluk kepada keupayaan kewangan semasa.

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)**
TARIKH	:	**18 JUN 2009**

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi Bin Khalid [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan perancangan Kerajaan untuk membangunkan pekan-pekan kecil di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand memandangkan pekan-pekan ini mempunyai potensi yang besar untuk mempertingkatkan pendapatan per kapita khasnya bagi penduduk-penduduk luar bandar.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan pada dasarnya bersetuju bahawa kawasan sempadan Malaysia-Thailand mempunyai potensi untuk dimajukan kerana ia dilihat sebagai koridor bagi menjana ekonomi bagi negeri di utara dan pantai timur. Namun perancangan teliti perlu dibuat kerana kedudukannya terpencil dan memerlukan kemudahan asas yang menelan kos yang agak besar. Melalui kerjasama dua-hala dalam forum seperti Jawatan Kuasa Sempadan, isu berkaitan telah dibincangkan.

Langkah-langkah seperti mewujudkan pusat pemeriksaan sempadan iaitu *Custom, Immigration, Quarantine and Security* (CIQS) di kawasan utara seperti di Padang Besar, Bukit Kayu Hitam dan Wang Kelian yang diintegrasikan dengan pembangunan sekitar seperti rumah kakitangan petugas sempadan, insfrastruktur dan sebagainya adalah sebagai langkah awal/positif dalam usaha membangunkan kawasan di sempadan.

Kerajaan juga telah mewujudkan dasar dan perancangan bagi membangunkan pekan-pekan kecil di kawasan sempadan Malaysia/Thailand iaitu :

1. **<u>Dasar Perbandaran Negara</u>**

   Dasar-dasar yang terkandung dalam kajian ini yang telah disiapkan, *Special Feature Towns* di kawasan sempadan akan dipertingkatkan ciri-ciri pekan berkenaan bagi menambahkan *economic impetus* selaras dengan karektor pekan berkenaan.

2. **<u>Rancangan Fizikal Negara</u>**

   Dasar yang terkandung dalam RFN telah menyarankan melalui RFN 13 iaitu Bandar berciri khas perlu dikenalpasti dan pembangunan projek yang mengeksploitasikan ciri-ciri berkenaan perlu disokong dengan infranstruktur yang bersesuaian bagi bandar sempadan iaitu Bukit Kayu Hitam, Padang Besar, Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Bukit Bunga dan Pengkalan Hulu.

3. **<u>Program Keselamatan Bandar-Bandar Sempadan (KESBAN)</u>**

   Ia melibatkan 4 negeri iaitu Kedah, Kelantan, Perak dan Perlis. Teras utama pembangunan di kawasan ini meliputi keselamatan, pembangunan bandar, infrastruktur dan aktiviti ekonomi. Sebanyak 40 buah projek pembangunan yang terlibat di kawasan KESBAN sepanjang RMKe-8.

Sektor perniagaan borong dan runcit serta pelancongan mempunyai potensi tinggi dalam konteks perdagangan wilayah (IMT-GT). Para penduduk luar bandar boleh mengambil peluang ini bagi memasarkan hasil pertanian/runcit bagi meningkatkan pendapatan perkapita. Penduduk luar bandar juga digalakkan mengambil bahagian dalam bidang IKS.

Penubuhan hub pengeluaran dan pengedaran barangan makanan halal juga berpotensi bagi meningkatkan pelaburan di antara dua negara dan memberikan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi penduduk setempat.

Konsep pintu masuk barangan, pembangunan pertanian dan perikanan antara Malaysia dan Thailand juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk.

Penubuhan pasar borong sempadan juga telah dicadangkan di antara Malaysia dan Thailand bagi meningkatkan perdagangan ekonomi negara dan meningkatkan sosio ekonomi penduduk.

Bandar-Bandar Bersempadanan :-
Wilayah Satun, Songkhla, Pattani, Narathiwat, Yala

Pekan Kecil :-

i. Kedah

Bukit Kayu Hitam (Malaysia) – Danok (Thailand) ,
Durian Burung/Kota Putra (Malaysia) – Sadao (Thailand)

ii. Perlis

Padang Besar (Malaysia) – Padang Besar (Thailand),
Wang Kelian (Malaysia) – Wang Kelian (Thailand)

iii. Perak

Pengkalan Hulu, Kroh (Malaysia) – Betong (Thailand)

iv. Kelantan

Rantau Panjang (Malaysia) – Golok (Thailand)

Pengkalan Kubu (Malaysia) – Tak Bhai (Thailand)

4. <u>Rancangan Struktur Perlis</u>

Rancangan Struktur Perlis yang sedang disediakan juga menggariskan Padang Besar sebagai *"land bridge"* untuk laluan keretapi dan saluran gas asli yang menghubungkan kawasan Selatan Negeri Thailand ke Butterworth. Ini akan secara tidak langsung memberikan peluang pekerjaan kepada negeri Perlis.

5. <u>Projek Rancangan Kawasan Khas (RKK) Padang Besar</u>

Projek Rancangan Kawasan Khas (RKK) Padang Besar Perlis yang telah disediakan dapat memberikan wajah baru kepada Padang Besar disamping mengenal pasti isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi penduduk dan memberikan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah-masalah ini. Contohnya penyediaan gerai yang kondusif bagi membuka peluang perniagaan kepada penduduk.

6. <u>Rancangan Struktur Kedah</u>

Rancangan Struktur Kedah telah menggariskan Bukit Kayu Hitam, Kedah sebagai lokasi strategik bagi kerjasama IMT-GT bersama negara Thailand. Industri Berskala Besar berorientasikan eksport yang dicadangkan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar. Industri pemakanan buah-buahan bersama Thailand juga dapat memberikan peluang kepada petani bagi memasarkan hasil pertanian mereka.

7. **<u>Rancangan Tempatan Pasir Mas dan Tumpat</u>**

   Bagi Rancangan Tempatan Pasir Mas dan Tumpat yang sedang disediakan, ciri-ciri pekan sempadan akan dipertingkatkan dari aspek ekonomi dan disokong dengan infrastruktur yang bersesuaian.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. (68)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa projek perumahan Desaku di kawasan Parlimen Padang Serai sudah lebih 4 tahun terbengkalai masih belum disiapkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan dan lawatan yang telah dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap projek perumahan Taman Desaku, Padang Meha, Kulim Kedah, didapati pemaju projek terbabit masih belum mengemukakan permohonan lesen pemajuan perumahan serta permit iklan dan jualan yang sah untuk membangunkan projek perumahan tersebut. Sehubungan itu, KPKT sedang menjalankan siasatan lanjut di bawah subseksyen 5(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

NO. SOALAN : 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pentadbiran baru akan mengubah dasar dalam pengendalian peruntukan khas kawasan Parlimen termasuk kawasan yang diwakili pembangkang dan berapakah peruntukan yang diberikan untuk setiap kawasan Parlimen untuk tahun 2009.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Secara dasarnya, Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen diberi pada setiap tahun kepada semua kawasan Parlimen walaupun kawasan tersebut merupakan kawasan Parlimen pembangkang. Jumlah peruntukan bagi setiap tahun

adalah berbeza bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan dan keperluan rakyat pada tahun tersebut.

Bagi tahun 2009, kesemua 222 kawasan Parlimen diperuntukan sebanyak RM1.0 juta oleh Kerajaan Persekutuan untuk dibelanjakan bagi faedah rakyat di kawasan berkenaan.

SOALAN NO. 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM**
KAWASAN	:	**KAPAR**
TARIKH	:	**18.06.09 (KHAMIS)**

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [Kapar] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan Institusi Pembangunan Usahawan bagi Bukan Bumiputera memandangkan Perbadanan Usahawan Nasional Malaysia hanya ditubuhkan bagi membantu Usahawan Bumiputera. Sekiranya ya, bila ianya akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, apakah justifikasi keengganan Kerajaan membantu rakyatnya sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Kerajaan masih belum berhasrat untuk menubuhkan sebuah institusi Pembangunan Usahawan khusus bagi bukan Bumiputera. Ini adalah kerana institusi-institusi keusahawanan yang diwujudkan untuk Bumiputera turut menyediakan program untuk bukan Bumiputera sebagai satu golongan sasaran.

****

No. Soalan : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan semula bas mini beroperasi memandangkan ia lebih efisien dan menetapi masa dengan bas sedia ada.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sentiasa mengambil maklum isu perkhidmatan pengangkutan awam dan secara berterusan mengambil inisiatif untuk menambah baik sistem pengangkutan awam yang sedia ada.

Kerajaan secara dasarnya masih membenarkan penggunaan bas mini di seluruh negara **kecuali di bandaraya Kuala Lumpur**. Perkhidmatan bas mini di bandaraya Kuala Lumpur telah **ditamatkan pada 1 April 1998** berdasarkan sebab-sebab yang berikut:

i. ianya tidak dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan boleh diharapkan;
ii. ianya penuh sesak, membahayakan penumpang serta pengguna jalanraya yang lain; dan
iii. ianya tidak lagi sesuai sebagai pengangkutan awam di masa hadapan bagi bandaraya Kuala Lumpur yang pesat membangun.

Namun demikian, perkhidmatan bas mini di Malaysia masih diteruskan dengan dibataskan perkhidmatannya seperti berikut:

i. berfungsi sebagai penyokong kepada perkhidmatan bas henti-henti disamping menyediakan perkhidmatan dalaman (*intra-city*) kepada satu kawasan sahaja;
ii. beroperasi sebagai perkhidmatan yang menyambung dari kawasan perumahan ke pusat-pusat transit utama seperti stesen-stesen transit dan terminal bas berhenti-henti.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1803

SOALAN:

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jenis, jumlah dan nilai dadah yang telah dikesan atau dirampas dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan selama ini untuk membendung gejala dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Kanowit** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya dalam tempoh 2005 sehingga April 2009, PDRM telah merampas pelbagai jenis dadah terdiri daripada 21 jenis dadah dan racun di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Secara keseluruhannya nilai rampasan bagi tempoh 2005 hingga April 2009 ialah RM502,623,210.00.

Sepanjang tahun 2008, PDRM telah merampas 270 kilogram heroin, 80,000 biji pil *ecstasy,* 240 kilogram ketamin, dan 750 kilogram ganja. Kejayaan terbesar PDRM bagi tahun 2009 ialah rampasan sebanyak 960 kilogram syabu yang bernilai RM254 juta.

Bagi membendung gejala dadah, PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan bekalan dan permintaan dadah ke dalam negara dengan meningkatkan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa dengan agensi penguatkuasaan negara luar untuk bertukar-tukar maklumat risikan bagi membendung penyeludupan dadah ke dalam negara. PDRM juga akan menempatkan pegawai perhubungan

narkotik di lima buah negara iaitu di Thailand, China, India, Belanda dan Brazil.

Tuan Yang Dipertua,

PDRM juga turut memperkasakan pintu masuk negara dan sempadan dalam mengawal penyeludupan dadah ke dalam negara melalui darat (laluan tikus dan gajah) dan udara dengan menempatkan pegawai PDRM di lapangan-lapangan terbang utama negara. Bagi sempadan Malaysia – Thailand, PDRM telah mewujudkan Sekretariat Nukleus bagi menjalankan risikan dan operasi di sempadan.

Selain itu Pasukan Gerakan Marin sentiasa mengawal ketat perairan negara untuk menghalang penyeludupan dadah melalui jalan laut. Operasi di pusat hiburan dan kawasan-kawasan dikenalpasti sarang penagih turut dijalankan bagi menghapuskan permintaan dadah dalam negara. PDRM juga turut menjalankan operasi bersepadu dengan jabatan dan agensi-agensi lain bagi membendung gejala dadah.

Bagi Agensi Antidadah Kebangsaan pula, usaha-usaha sentiasa dilaksanakan dengan menggerakkan masyarakat sivil untuk memerangi dadah, mewujudkan kerjasama rakan pintar dengan agensi/jabatan di sektor awam dalam menganjurkan program pendidikan pencegahan dadah dan mewujudkan kerjasama rakan strategik dengan sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

AADK juga turut menjalankan program gerak gempur dadah (GEMPADAH), melaksanakan program jejak dan *outreach* bagi menjalankan pemantauan/pengawasan dan menjalankan program rakan anti dadah (RADA) untuk mewujudkan pasukan sukarelawan anti dadah daripada golongan belia.

AADK juga menubuhkan gerakan masyarakat wanita anti dadah (MAWADAH), menggerakkan bekas-bekas penagih melalui persatuan alumni bekas-bekas penagih (PENDAMAI), melaksanakan rawatan terapi gantian Methadon dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan melatih bekas-bekas penagih menjadi pembimbing rakan sebaya. AADK juga telah menubuhkan pusat khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan untuk memberi khidmat pemulihan lanjutan kepada penagih-penagih.

SOALAN NO: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMSURI

TARIKH: 18 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. IR HAJI HAMIM BIN SAMSURI [Ledang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang cadangan skim pencen melalui KWSP, apakah ini satu idea yang terbaik atau sekadar satu alasan untuk menafikan hak pencarum mengeluarkan wang mereka sekali gus bagi tujuan masing-masing seperti perniagaan dan lain-lain.

PR-022-L18608

JAWAPAN:

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan semua pekerja termasuk pekerja sektor swasta. Untuk menjamin dan membela kehidupan pekerja sektor swasta yang bersara, Kerajaan telah mewujudkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Melalui skim ini, pekerja sektor swasta yang bersara, akan mendapat sejumlah wang hasil caruman bagi menampung kehidupan selepas bersara.

Penemuan awal menunjukkan kebanyakan pencarum-pencarum KWSP telah menggunakan simpanan mereka dalam tempoh masa yang singkat. Dengan itu matlamat untuk simpanan hari tua tidak tercapai. Juga terdapat perubahan sosial dimana anak-anak

tidak lagi membantu menanggung kedua-dua ibu-bapa mereka. Oleh itu, satu skim pencen untuk semua pekerja sektor swasta perlu diadakan. Memandangkan akan kepentingan skim tersebut, Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk mengkaji pewujudan skim pencen kebangsaan bagi faedah semua pekerja di sektor swasta. Untuk tujuan ini, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan perbincangan awal dengan agensi-agensi Kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan pelaksanaan skim tersebut.

Dalam melaksanakan skim ini, Kerajaan akan mengambil kira kepentingan dan faedah yang dinikmati oleh pencarum KWSP tidak akan terjejas .

SOALAN NO: 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN FONG KUI LUN**
[BUKIT BINTANG]

TARIKH : **KHAMIS, 18 JUN 2009**

RUJUKAN : **04**

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

Langkah-langkah penyelesaian isu projek terbengkalai Plaza Rakyat dan menaik taraf Hentian Puduraya yang memburukkan pemandangan dan penyebab kesesakan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil beberapa langkah bagi menyelesaikan isu projek terbengkalai Plaza Rakyat dan menaik taraf Hentian Puduraya di Kuala Lumpur.

Status terkini Plaza Rakyat ialah pihak KWP dan DBKL sedang dalam peringkat penyediaan kertas pertimbangan kepada Unit Penswastaan & PFI, Jabatan Perdana Menteri (UPPFI, JPM) bagi mencadangkan syarikat baru yang akan mengambil alih projek ini daripada PRSB. Kertas pertimbangan ini kini dalam penelitian akhir KWP dan akan dikemukakan kepada UPPFI, JPM secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

Penambahbaikan **Hentian Puduraya** pula membabitkan dua pihak iaitu UDA selaku pemilik Hentian Pudaraya dan DBKL.

Tindakan segera yang sedang dan yang akan diambil oleh UDA ialah menyediakan ruang menunggu yang berhawa dingin kepada para penumpang dan orang ramai di tingkat mezzanine. Ruang menunggu ini adalah sebagai tambahan kepada ruang menunggu sedia ada di tingkat tanah. Kerja-kerja akan dimulakan pada 1 Julai 2009 setelah ruang pejabat UDA dan pejabat syarikat-syarikat bas dipindahkan ke tingkat 4.

Pihak UDA sedang berbincang dengan syarikat-syarikat bas untuk memindahkan semua kaunter jualan tiket yang kini berada di tingkat tanah ke tingkat 1.

Bagi pihak DBKL pula, kerja-kerja mengecat jejantas sedia ada telahpun siap.

Sementara itu, cadangan projek pembinaan jejantas baru pula masih dalam fasa reka bentuk. Projek ini dijangka siap dalam tempoh 12 bulan, termasuk tempoh penyediaan reka bentuk dan melantik kontraktor.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, tindakan penguatkuasaan bersepadu sedang dilaksanakan secara berterusan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh operasi kaunter-kaunter jualan tiket di premis perniagaan di luar Hentian Puduraya. DBKL menempatkan anggota penguatkuasa di lokasi berkenaan setiap hari.

Dalam menangani kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh bas-bas ekspres yang menunggu di luar Hentian Puduraya, DBKL telah menyediakan petak-petak letak bas di Jalan Hang Jebat dan mula digunakan sejak 1 Jun 2009 sebagai tempat sementara untuk bas ekspres menunggu sebelum bergerak ke Puduraya bagi mengambil para penumpang.

Bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh teksi bandar dan kenderaan persendirian pula, anggota penguatkuasa DBKL dan unit tunda kenderaannya telah ditempatkan di lokasi dari pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 malam untuk mengawal keadaan.

Pada masa yang sama, pagar penghadang telah siap dibina di kedua belah Jalan Pudu berhadapan dengan Hentian Puduraya bagi menghalang teksi dan kenderaan lain menurunkan dan mengambil penumpang.

No:75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 75

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**
TARIKH	:	**18 Jun 2009**
SOALAN	:	**Y.B. Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Langkah-langkah yang diambil terhadap media antarabangsa yang melaporkan berita-berita yang memburukkan nama Perdana Menteri dan negara.

SOALAN 44

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B Tuan Azan Bin Ismail [INDERA MAHKOTA]**
TARIKH	:	**18 JUN 2009**
SOALAN	:	**Y.B. Tuan Azan Bin Ismail [Indera Mahkota]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengemukakan saman terhadap akhbar-akhbar luar negara yang memfitnah dan berniat jahat dengan menjatuhkan imej negara dan pentadbiran kita.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

2. Memandangkan ada empat soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ditujukan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu daripada Y.B. Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena), Y.B. Tuan Azman bin Ismail (Indera Makhkota), Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) dan Y.B. Dr. Haji Hayati bin Othman (Pendang) yang menyentuh perkara mengenai Media Asing yang cuba memburuk atau mencelar nama Perdana Menteri dan menjatuhkan imej negara, maka saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut secara serentak dan bersekali oleh kerana perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

3. Kementerian Luar Negeri, di peringkat Ibu Pejabat dan melalui Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa memantau laporan-laporan Media Asing mengenai laporan-laporan yang disiarkan yang menyentuh kepentingan negara termasuk tentang para pemimpinnya.

4. Sehubungan ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menyalurkan maklumat-maklumat mengenai latarbelakang sesuatu isu yang dibangkitkan oleh Media Asing kepada Perwakilan-Perwakilan Malaysia di seberang laut untuk menegaskan pendirian Kerajaan terhadap isu yang berkaitan.

5. Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara berkenaan akan diminta menyalurkan maklumat-maklumat tersebut dengan memberikan penerangan mengenai keadaan sebenar sesuatu isu yang dibangkitkan kepada pihak media tempatan di luar negara itu, dalam usaha menyangkal berita-berita

yang menjejaskan nama baik para pemimpin negara dan juga Malaysia secara keseluruhannya.

6. Jika perlu, Kementerian juga akan menyediakan jawapan atau *rebuttal* yang khusus untuk membidas dan menyangkal dakwaan yang tidak benar yang disebarkan oleh Media Asing mengenai Malaysia, termasuklah isu-isu yang menyentuh integriti Kerajaan dan imej negara di mata dunia.

7. Lebih dari itu, bantahan melalui saluran diplomatik juga dibuat untuk menegur Media Asing yang terbabit yang dirasakan berniat jahat untuk menjatuhkan imej negara kita.

8. Dalam kes yang lebih serius, Kementerian akan membuat kajian yang lebih mendalam dan sekiranya tindakan undang-undang dirasakan perlu, perkara berkenaan akan dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk mendapat nasihat mengenai tindakan wajar yang perlu diambil.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Kementerian Luar Negeri sentiasa mengambil tindakan segera untuk memberi penjelasan atau menangkis sebarang laporan Media Asing atau mana-mana pihak yang mempunyai persepsi yang salah terhadap Malaysia dan juga para pemimpinnya.

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1804

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tangkapan dan pendakwaan terhadap majikan yang mengambil pekerja asing yang tiada dokumen kerja dan berapa orang pekerja tersebut telah dihantar pulang pada 1 Januari 2008 hingga 1 Mei 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, majikan yang mengambil pekerja asing yang tiada dokumen kerja adalah melakukan kesalahan di bawah **Seksyen 55(b) Akta Imigresen 1959/63** yang menyatakan **"Mana-mana orang yang mengambil kerja satu atau lebih suatu orang, yang tidak memiliki suatu pas sah adalah melakukan kesalahan dan hendaklah atas sabit kesalahan",** boleh dijatuhkan salah satu daripada hukuman berikut:-

(i) **denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000** atau **penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali** bagi setiap orang pekerja yang diambil; dan

(ii) Pada masa yang sama **mengambil kerja lebih dari 5 orang dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.**

Mengikut statistik yang diperoleh dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), bagi tempoh **1 Januari 2009 hingga 30 April 2009**, seramai **348 orang majikan** telah ditangkap kerana melanggar seksyen ini.

Daripada 348 orang majikan yang telah ditangkap, seramai **273 majikan dikenakan hukuman denda atau kompaun, 9 majikan didakwa di mahkamah** manakala **66 orang masih dalam siasatan/menunggu perbicaraan**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berhubung dengan Pekerja Asing pula, mengikut **Per. 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963**, menyatakan **"Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan atau arahan yang diendoskan di atas mana-mana Pas, Permit atau Pas Sempadan"...** adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini, dan **apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali**.

Sehubungan itu, jumlah tangkapan dan pendakwaan di bawah seksyen ini bagi tempoh **1 Januari 2009 hingga 30 April 2009** adalah seramai **2,327 orang.** Daripada jumlah tersebut, seramai **235 orang telah didakwa manakala 983 orang pula dikenakan hukuman kompaun.** Lima negara yang mempunyai jumlah tangkapan yang tertinggi bagi tempoh ini adalah **Indonesia (709 orang), Bangladesh (418 orang), Thailand (361 orang), India (221 orang), PR *of* China (184 orang) dan lain-lain warganegara (434 orang)**.

Dalam tempoh ini juga, **seramai 19,263 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap di seluruh negara melalui 2,597 operasi yang dijalankan**. Daripada jumlah tersebut, **seramai 13,124 orang PATI telah diusir ke negara asal**.

SOALAN NO: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1805

SOALAN:

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana penukaran istilah panggilan "Mat Rempit" kepada "samseng jalanan" boleh membantu menyelesaikan gejala sosial ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, istilah 'samseng jalanan' dilabelkan oleh pihak polis khusus kepada penunggang-penunggang motosikal dan pemandu-pemandu kereta yang terlibat dalam kegiatan lumba haram. Golongan ini sepatutnya sedar akan tindak tanduk mereka merupakan perbuatan samseng yang mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya serta nyawa orang awam yang lain.

Istilah mat rempit yang diberi oleh media massa memberi gambaran bahawa mereka adalah hero di jalan raya sehingga mereka berani melakukan aksi-aksi merbahaya dan menyalahi undang-undang serta mengganggu pengguna-pengguna jalan raya. Dengan panggilan 'samseng jalanan', masyarakat umum akan memandang negatif terhadap mereka dan memberi gambaran bahawa ianya suatu perlakuan jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Istilah 'mat rempit' ataupun 'samseng jalanan' bukanlah perkara pokok tetapi langkah-langkah berterusan yang diambil oleh Kerajaan serta kesedaran masyarakat umum menjadi keutamaan bagi menangani gejala ini daripada menjadi lebih parah.

Saya yakin dengan adanya pelan tindakan jangka pendek dan panjang yang dirancang oleh Kerajaan dengan sokongan rakyat serta Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat membantu menyelesaikan isu ini dengan lebih berkesan.

NO SOALAN : 78

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

(a) sejauh manakah pemantauan yang dibuat oleh Kerajaan di kem-kem Pusat Latihan Khidmat Negara dari aspek kebersihan dan kualiti makanan yang dibekalkan kepada pelatih; dan

(b) sehingga kini, berapakah bilangan kes dan jenis saman oleh keluarga peserta PLKN terhadap pengelola program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa kaedah di dalam pemantauan kebersihan dan kualiti makanan di setiap kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Para pegawai inspektorat daripada Pejabat Kesihatan Daerah akan melakukan pemantauan secara berkala dari segi kebersihan persekitaran dewan makan dan cara pengendalian makanan bagi memastikan ianya mematuhi standard yang telah ditetapkan oleh KKM. Selain itu, semua pengendali makanan di kem PLKN diwajibkan mengambil suntikan Typhim IV dan mengikuti kursus pengendalian makanan anjuran KKM sebelum dibenarkan bertugas untuk menyediakan sajian kepada pelatih-pelatih PLKN di kem berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menu makanan yang diguna pakai di kem-kem PLKN disediakan oleh KKM yang bukan sahaja menekan kualiti makanan tetapi juga dari aspek nutrien yang diperlukan oleh pelatih PLKN.

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, JLKN telah menerima sebanyak enam (6) saman jenis guaman sivil yang difailkan oleh keluarga bekas pelatih PLKN terhadap Jabatan dan Kerajaan Malaysia. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) saman telah difailkan di Mahkamah Tinggi, tiga (3) saman lagi difailkan di Mahkamah Sesyen. Kesemua saman-saman ini masih di peringkat perbicaraan dan belum selesai.

SOALAN NO. : 79

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**
TARIKH	:	**18 JUN 2009 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik (Sik)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai kedudukan Projek Ternakan Puyuh di Sungai Setar, Jeneri, Sik, yang melibatkan peruntukan RM420,000.00 setahun sedangkan projek ini hanya melibatkan seorang penduduk di bawah skim PPRT dan projek ini selalu mengalami kerugian. Apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

JAWAPAN : MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Projek Ternakan Puyuh di Sungai Setar, Jeneri, Sik, telah melibatkan kos pembangunan sebanyak RM420,000.00 pada tahun

2006 dengan kapasiti ladang sebanyak 65,000 ekor. Pada Februari 2007, projek dimulakan dengan penglibatan 4 orang peserta di bawah skim PPRT yang telah menghadiri Kursus Asas Penternakan Puyuh Komersil anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Dari tahun 2006 hingga 2008, industri penternakan unggas telah menghadapi cabaran yang sangat hebat berikutan peningkatan kos pengeluaran terutamanya peningkatan dalam harga makanan. Lebih 70% bahan mentah yang digunakan bagi penghasilan makanan adalah diimport di mana komponen utamanya terdiri daripada jagung dan kacang soya. Peningkatan harga komoditi ini yang ditentukan oleh pasaran komoditi antarabangsa adalah fenomena global di luar kawalan industri penternakan negara. Industri penternakan puyuh juga tidak terkecuali daripada isu peningkatan kos pengeluaran yang menyebabkan penternak puyuh mengalami kerugian kerana terpaksa menjual puyuh pada harga ladang di bawah kos pengeluaran.

Bermula tahun 2009, Kerajaan telah mengambil langkah dengan memilih usahawan di kalangan siswazah tani yang berpengalaman dalam bidang penternakan puyuh untuk mengurus dan mengawalselia aktiviti-aktiviti ladang. Mereka juga bertanggungjawab dalam urusan pembelian *input*, pemasaran daging puyuh dan menanggung segala kos operasi ladang. Status semasa peserta PPRT yang terlibat pula menerima gaji bulanan sebanyak RM600 – RM700 seorang. Pada masa yang sama, kapasiti ladang akan digunakan sepenuhnya bagi memberikan hasil pengeluaran yang optimum.

SOALAN NO.: 80

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa jarak zon industri petrokimia dan maritim di Sungai Pulai dibina kurang dari 1 km dari kawasan kampung di Mukim Serkat, Pontian memandangkan kajian menunjukkan bahawa penduduk-penduduk yang menetap lingkungan 3km dari kawasan industri petrokimia menghadapi risiko tinggi menghidapi penyakit kanser dan kelahiran awal kepada bayi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 23 Julai 2007 melibatkan penyediaan tapak bagi pembangunan industri petrokimia dan maritim

di Mukim Sungai Serkat, Pontian. Kajian EIA ini tiada menyatakan penduduk yang menetap dalam lingkungan 3 km menghadapi risiko tinggi penyakit kanser dan kelahiran awal kepada bayi.

Untuk pembangunan industri petrokimia dan maritim di atas tapak projek, pemaju projek dikehendaki mengemukakan laporan EIA secara berasingan dengan skop kajian yang terperinci bagi memastikan impak pencemaran kualiti air, udara, bunyi bising dan sebagainya dapat dilihat dengan lebih jelas. Dari segi konsepnya, pemaju projek telah mencadangkan aktiviti penstoran dan *blending* dan tidak melibatkan pelepasan gas dan bendasing ke udara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesesuaian pembangunan dan jarak yang selamat (zon penampan) di antara aktiviti industri ini dengan penempatan penduduk adalah berdasarkan kepada keputusan ramalan impak di dalam kajian EIA bagi pembinaan industri petrokimia dan maritim seperti yang dinyatakan di atas yang mengambilkira skop kajian kesihatan awam yang menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

NO. 81

PERTANYAAN LISAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN (NO. 81)
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN

Y.B. Tuan Hee Loy Sian minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah hasil perbincangan Kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi tol dalam rancangan untuk mengambil alih syarikat konsesi tol serta penurunan kadar tol seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri beberapa bulan lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan ketika ini sedang melaksanakan kajian ke atas isu-isu penswastaan lebuhraya bertol untuk memastikan pengguna lebuhraya bertol mendapat "*value for money*", dengan izin. Kerajaan sedang meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengguna, kaedah untuk menanganinya dan implikasinya kepada pengguna, Kerajaan, syarikat konsesi, sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa terhadap dasar-dasar pembangunan dan pelaburan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah melaksanakan langkah jangka pendek dengan tidak menaikkan kadar tol lebuhraya bagi sesuatu tempoh. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan sedang membuat kajian ke arah merangka pendekatan yang lebih holistik berhubung dengan lebuhraya bertol.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan semakan semula perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) seperti yang disentuh oleh YB Kuala Terengganu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa sejak tahun 90-an sehingga 2008, Kerajaan telah mengadakan perjanjian konsesi tambahan dengan PLUS berhubung penstrukturan semula struktur kadar tol masing-masing sebanyak 2 kali bagi Lebuhraya PLUS iaitu pada tahun 1999 dan 2001 dan 2 kali bagi Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) juga di bawah PLUS iaitu pada tahun 2000 dan 2002. Kerajaan juga telah menangguhkan kenaikan kadar tol Lebuhraya PLUS sebanyak 4 kali iaitu pada tahun 1992, 1996 hingga 1998, 2007 dan 2008.

Perjanjian-perjanjian konsesi tambahan yang dibuat dengan PLUS adalah untuk menguatkuasakan penstrukturan semula kadar tol seperti berikut:

i) pindaan kali pertama – kekerapan kenaikan daripada 3 tahun ke 5 tahun dengan purata kenaikan antara 7% hingga 33%;

ii) pindaan kali kedua – pindaan peratus kenaikan kepada 10% dengan kekerapan kenaikan dipinda dari 5 tahun ke 3 tahun.

Langkah-langkah penstrukturan semula dan penangguhan kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya PLUS ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan pengguna serta kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah mengemas kini dan menambah baik pelaksanaan projek-projek penswastaan terutamanya dalam memperkukuhkan terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi untuk melindungi kepentingan rakyat.

Penetapan kadar dan struktur tol, termasuk peratusan dan kekerapan kenaikan tol bagi sesebuah lebuh raya juga dibuat bagi membolehkan syarikat konsesi membayar balik

pinjaman yang telah dibuat, menyelenggarakan lebuh raya berkenaan dan memperolehi satu pulangan pelaburan jangka panjang yang munasabah seperti teertentuLebuh raya-lebuh raya yang diswastakan tersebut telah dilaksanakan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah di mana pihak sektor swasta mereka bentuk, membina, membiayai dan mengendali operasi serta menyelenggara kemudahan lebuh raya bagi satu tempoh konsesi. Sebagai balasan, syarikat konsesi dibenarkan untuk mengutip tol pada kadar yang dipersetujui oleh Kerajaan. yang dinyatakan tadi.

Dalam pada itu, Kerajaan turut mengambil kira pandangan dan masalah rakyat dengan menyediakan jalan raya yang baik dan bebas tol sebagai laluan alternatif kepada lebuh raya bertol. Pada masa yang sama, kadar tol yang dikenakan kepada pengguna lebuhraya dibuat berdasarkan prinsip *user pay* adalah berpatutan dan munasabah.

SOALAN NO. 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)

TARIKH : 18 JUN 2009 (RABU)

SOALAN :

YB. Tuan William @ Nyallau Anak Badak (Lubok Antu) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat mana kemajuan program CARI-CARI yang sedang dilaksanakan di daerah Lubok Antu setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek CARI pada 17 Julai 2008. Bagi daerah Lubok Antu, semenjak projek tersebut dilancarkan dan sehingga 29 Mei 2009, sebanyak 1,463 kes telah berjaya dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 kes telah diberi bantuan kewangan manakala 702 kes masih dalam siasatan dan 726 kes tidak diluluskan. Jumlah bantuan kewangan yang telah disalurkan setakat ini adalah sebanyak RM3.9 juta.

SOALAN NO: 83

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2009

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta **Menteri Kewangan** menyatakan jumlah wang yang dirampas di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLFTA) sejak tahun 2002, serta ke manakah wang tersebut dibelanjakan dan jenis-jenis kesalahan yang menyebabkan wang ini dirampas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2002 sehingga kini, jumlah wang yang dirampas di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 adalah sebanyak RM659 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.3 juta telah dilucuthakkan, RM454.7 juta dibeku dan RM201 juta disita.

2. Jumlah yang telah dilucuthakkan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, manakala yang lain masih dibeku dan disita bagi tujuan siasatan dan perbicaraan.

3. Antara jenis-jenis jenayah yang berkaitan dengan harta-harta yang dilucuthakkan adalah menipu, pecah amanah, menerima deposit secara haram dan rasuah.

SOALAN 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesanggupan Kerajaan untuk mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diguna pakai masa kini dan menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menggunakan satu PGK yang realistik dan wajar, iaitu sebanyak RM1,500.00 sebulan, bagi mengkategorikan isi rumah miskin dalam negara.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diguna pakai sebenarnya merupakan antara kaedah terbaik yang pernah diamalkan oleh beberapa negara. PGK yang diguna pakai sekarang bukan sahaja mengambilkira keperluan makanan tetapi juga keperluan bukan makanan seperti sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Kaedah pengukuran yang digunakan adalah realistik

selaras dengan konsep dan definisi miskin dan miskin tegar yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan PGK semasa tahun 2007, PGK bagi kemiskinan keseluruhan Malaysia ialah RM750 dan RM430 untuk kemiskinan tegar. Pendapatan yang melebihi RM750 sehingga RM2,000 adalah didefinisikan sebagai golongan berpendapatan rendah. PGK ini akan dikemaskini dan dikaji semula dari masa ke semasa berdasarkan kepada perubahan harga semasa selaras dengan peningkatan kos serta tahap kualiti hidup yang semakin meningkat. Pada masa yang sama, julat pendapatan bagi menentukan golongan berpendapatan rendah juga akan dikemaskini berdasarkan kepada struktur pendapatan isi rumah negara yang diperoleh menerusi Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah. Selain daripada memberi perhatian kepada membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan am, Kerajaan juga dari masa ke semasa merangka langkah-langkah untuk membantu golongan berpendapatan rendah termasuklah meningkatkan akses golongan tersebut kepada pendidikan dan latihan, kemudahan kesihatan dan sebagainya.

NO : 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON

(TANGGA BATU)

TARIKH : 18.06.2009

SOALAN : NO. 85

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON (TANGGA BATU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari segi melindungi pengguna-pengguna Islam daripada produk yang tidak halal.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mengambil langkah-langkah yang ketat bagi membanteras penyelewengan pelabelan halal yang meliputi salah guna perbahasaan dan logo halal. Secara khususnya, tindakan yang diambil itu mengikut kuatkuasa Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan "Halal") 1975. Antaranya langkah-langkah tersebut ialah:

(i) meningkatkan kerjasama penguatkuasaan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN),

dan Halal Industry Development Corporation (HDC). Bagi maksud ini seramai 79 orang pegawai JAKIM dan JAIN telah diberi kuasa undang-undang di bawah Akta perihal Dagangan 1972 sejak 15 September 2003;

(ii) menjalankan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa di samping pemeriksaan yang dibuat berasaskan aduan tentang keraguan tanda halal yang digunakan. Dari tahun 2005 hingga Mei 2009, sebanyak 34,719 premis telah diperiksa di seluruh negara dan sebanyak 239 kes penyelewengan dikesan dengan nilai rampasan sebanyak RM 5.29 juta.

(iii) mengkaji semula peruntukan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan "Halal") 1975 bagi menyesuaikannya dengan cadangan yang hanya mengiktiraf logo halal Malaysia sahaja digunakan sebagai perbahasaan halal.

SOALAN 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU
TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah melakukan satu usaha yang baik dalam membantu golongan miskin dengan memperuntukkan saham berjumlah RM100 juta kepada yang layak. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan pelaburan saham ini menguntungkan pemiliknya dalam situasi ekonomi dunia hari ini.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan yang prihatin ini sentiasa menjaga kebajikan rakyat dengan menyediakan pelbagai bantuan untuk meringankan kesusahan rakyat terutamanya kepada golongan miskin tegar dan miskin serta mereka yang berpendapatan rendah. Dalam hubungan ini, bagi membasmi kemiskinan di bandar, salah satu program yang dirangka khusus di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ialah Skim Amanah Saham Wawasan Bandar (ASW-Bandar) di

mana sejumlah RM100 juta telah diperuntukan. Skim ini dijangka akan memberi manfaat kepada 20,000 keluarga.

Dalam usaha menjamin pelaburan dalam skim ini dapat memberi pulangan yang sewajarnya kepada pelabur dalam suasana ekonomi semasa, Kerajaan akan mengambil beberapa langkah termasuk:

i. Pemodalan Nasional Berhad (PNB) selaku pengurus dana pelaburan berkenaan akan memastikan pengemblengan dana melalui pelaburan dalam syarikat-syarikat yang mempunyai reputasi dan potensi yang baik;

ii. Tabung Unit Amanah ini merupakan tabung unit amanah berharga tetap yang diniagakan pada nilai RM1.00 se unit dan pelabur tidak akan menanggung risiko turun naik harga;

iii. Mekanisme pemantauan pelaburan yang rapi oleh PNB serta pengarah-pengarah nomini yang dilantik dalam syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan PNB dan skim ini; dan

iv. Kerajaan akan memperkukuhkan lagi asas ekonomi negara dengan merancakkan pertumbuhan ekonomi dengan memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi terutamanya di sektor perkhidmatan.

NO: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 87

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan polisi Kementerian untuk merangsang rakyat menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi yang diberi dalam bentuk insentif dermasiswa, biasiswa, cuti bergaji, dana penyelidikan terutama bidang kemanusiaan bagi melahirkan keseimbangan dengan sektor teknikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai polisi yang jelas dalam merangsang rakyat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan menyediakan pelbagai bentuk insentif dan program tertentu untuk mereka melanjutkan pengajian. Di antara program yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuklah:-

i. Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB);

ii. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);

iii. Cuti Sabatikal;

iv. *Spouse Programme*;

v. Pembiayaan pengajian ijazah lanjutan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua;dan

vi. Program MyBrain 15.

NO: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DR. HIEW KING CHEU** **[KOTA KINABALU]**
TARIKH	:	**18 JUN 2009 (KHAMIS)**
SOALAN	:	92

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah peruntukan kewangan sebanyak Lima Puluh Juta Ringgit untuk "South Bus Terminal" yang dicadangkan berhampiran dengan KKIA diberikan memandangkan Bus Terminal tersebut sangatlah mustahak untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek pembinaan "South Bus Terminal" yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah telah dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam (JKKMPA) pada 28 Mei 2008. Mesyuarat JKKMPA telah memberi persetujuan ke atas projek berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM 50 juta dengan syarat lokasi terminal bas tersebut dipindahkan ke tempat lain. Lokasi terminal yang dicadangkan didapati terlalu hampir dengan menara kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di mana jaraknya

adalah kurang daripada 50 meter. Lokasi terminal tersebut berada di dalam kawasan yang diwartakan sebagai kawasan dan tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959. Atas sebab-sebab keselamatan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan juga mengambil kira peruntukan undang-undang sedia ada, mesyuarat JKKMPA memutuskan supaya lokasi terminal perlu dipindahkan ke tempat lain yang lebih bersesuaian.

Tuan Yang Dipertua,

Susulan daripada mesyuarat JKKMPA itu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan di antara Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri Sabah. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Kerajaan Negeri Sabah disyorkan untuk:

a) merujuk cadangan pembinaan terminal bas di lokasi asal itu kepada Jawatankuasa Sasaran Penting di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959;

b) menjalankan *Risk Assesment Study* ke atas penempatan terminal bas di lokasi berkenaan dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Sasaran Penting untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya; dan

c) sekiranya cadangan tersebut dipersetujui oleh Jawatankuasa Sasaran Penting, pihak Kerajaan Negeri Sabah dinasihatkan supaya mengecilkan skop pembinaan terminal bas itu daripada sebuah terminal kepada sebuah perhentian yang khusus untuk menurunkan atau mengambil penumpang sahaja. Pelan perhentian bas tersebut hendaklah diintegrasikan dengan pelan bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut prosedur yang ditetapkan oleh JKKMPA, selepas perkara-perkara berkaitan dengan lokasi dan skop terminal tersebut dapat dipersetujui oleh Jawatankuasa Sasaran Penting yang berkenaan, permohonan peruntukan yang dikehendaki akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya.

SOALAN NO: ~~94~~
89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON
[TEBRAU]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1806

SOALAN:

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar kekurangan anggota PDRM mengikut piawaian yang sedia ada di setiap negeri. Apakah langkah-langkah sedang diambil untuk meningkatkan tenaga PDRM memandangkan peningkatan kadar jenayah yang masih tidak dapat dibendung.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah perjawatan pegawai dan anggota polis di Kontinjen Negeri seluruh negara adalah seramai 76,922 orang. Berdasarkan nisbah ideal antara polis dan penduduk yang disyorkan oleh Interpol iaitu 1:250, hanya Perlis dan kuala Lumpur sahaja yang mencapai tahap yang disyorkan.

Bagi mencapai nisbah yang disyorkan oleh INTERPOL tersebut, beberapa langkah telah dan sedang diambil seperti berikut :

i) Penambahan 60,000 anggota baru melalui penstrukturan semula PDRM yang dijalankan secara berperingkat dan dijangka selesai pada tahun 2011. Penambahan perjawatan baru ini akan mengatasi nisbah ideal antara polis dan penduduk yang disyorkan oleh INTERPOL.

ii) Pembukaan pusat latihan baru di Pulau Langkawi, Segamat dan Bentong.

iii) Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Polis dengan struktur gaji yang lebih kompetetif bagi menarik minat orang awam menyertai pasukan polis.

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1807

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bagi bilangan kanak-kanak di bawah umur 13 tahun yang telah dilaporkan hilang dan diculik dan berapakah bilangan yang masih gagal ditemui secara hidup dan mati serta bilangan yang masih gagal ditemui sejak 10 tahun lalu dan apakah perkembangan kes Nurin dan Sharlinie.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Titiwangsa** yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1999 hingga Disember 2008, seramai 3,759 kanak-kanak di bawah umur 13 tahun telah dilaporkan hilang iaitu 1,650 lelaki dan 2,109 perempuan. Daripada jumlah ini seramai 2,717 atau 72% berjaya dijumpai semula iaitu 1,175 lelaki dan 1,542 perempuan. Manakala jumlah yang masih hilang adalah 1,042 orang iaitu 475 lelaki dan 567 perempuan.

Berdasarkan statistik kes colek kanak-kanak bagi yang telah direkodkan untuk tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 jumlah kes yang telah dilaporkan adalah 52 kes. Daripada jumlah itu, sebanyak 26 kes telah diselesaikan sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam siasatan kes pembunuhan Nurin Jazlin dan kehilangan Sharlinie, pihak polis masih lagi meneruskan siasatan dan kesnya tidak pernah ditutup.

NO. SOALAN

NO. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengiktiraf tandatangan pengesahan yang dibuat oleh ahli Parlimen Pakatan Rakyat dalam borang-borang permohonan yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

NO. SOALAN

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat agensi-agensi Kerajaan yang menetapkan pengesahan salinan dokumen sokongan bagi sesuatu permohonan, dibuat oleh pihak tertentu seperti pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu dan Pesuruhjaya Sumpah. Bagi borang-borang lain yang membolehkan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri untuk membuat pengesahan, Kerajaan sememangnya mengiktiraf tandatangan pengesahan tersebut tanpa mengira status politik Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN : 92

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**
TARIKH	**:**	**18 JUN 2009 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada KEMENTAH mendedahkan hasil perbincangan tentera darat dengan Cina dalam pembelian sistem enam unit FN6 MANPAD seperti yang dilaporkan di dalam laporan tahunan Kementerian 2006. Apakah alasan memilih FN6, kos pembelian dan tarikh penghantaran tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pertahanan tidak pernah mendedahkan sebarang hasil perbincangan di antara pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan mana-mana pihak berhubung sebarang perolehan Kerajaan.. Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan Tahun 2006 hanya menyatakan perolehan FN6 *'VSHORAD'*.

Alasan Kerajaan memilih FN6 *'VSHORAD' (Very Short Range Air Defense)* adalah untuk meningkatkan keupayaan sistem pertahanan udara aras rendah Rejimen Artileri Diraja. Sistem ini dapat menawarkan ciri-ciri pengendalian mudah dan berupaya untuk diaturgerak dengan pelbagai platform pelancar. Selain daripada itu, FN6 dipilih kerana ianya menepati spesifikasi yang diperlukan oleh Tentera Darat.

Sistem ini dijangka diterima pada akhir bulan Jun 2009, dan kos pembelian 16 unit sistem persenjataan ini adalah berjumlah RM23 juta.

SOALAN NO: 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

TARIKH: 18 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [Kuala Krau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kemajuan cadangan Kerajaan untuk menubuhkan institut pembantu rumah untuk warga tempatan bagi mengurangkan penggantungan kepada pembantu rumah warga asing.

PR-022-L19682

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan kajian pada Oktober 2008 mengenai keperluan melatih pembantu rumah tempatan. Hasil kajian mendapati masih belum terdapat keperluan mendesak terhadap cadangan untuk mewujudkan sebuah institut latihan yang khusus bagi melatih pembantu rumah warga tempatan.

Di samping itu, adalah didapati pihak majikan masih belum bersedia untuk menggaji pembantu rumah tempatan dengan kadar gaji yang lebih tinggi. Hanya 6.7% sahaja bersedia membayar gaji melebihi RM700 sebulan, manakala 26.8% bersedia membayar gaji antara RM501 hingga RM700 sebulan. Sebahagian besar responden iaitu 66.5%

bersedia mengaji pembantu rumah tempatan dengan kadar gaji RM300 hingga RM500 sebulan. .

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedia untuk menimbangkan latihan kepada rakyat tempatan untuk menjadi pembantu rumah terlatih apabila ada permintaan dan kesanggupan daripada majikan untuk mengambil pembantu rumah tempatan yang terlatih dengan penawaran gaji yang lebih tinggi.

SOALAN NO. 94

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)

TARIKH : 18.06.2009

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk membina rumah PPRT dalam tahun 2009 dan 2010 khususnya di kawasan luar bandar seperti Nibong Tebal.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua

Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina Rumah PPRT di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dalam tahun 2009 dan 2010. Bagi negeri Pulau Pinang, Kementerian telah memperuntukkan RM11.0 juta dalam tahun 2009 untuk melaksanakan 327 unit projek bina baru dan 18 unit projek baik pulih. Pada tahun 2010, Pulau Pinang diperuntukkan RM56 ribu untuk pembinaan 1 unit bina baru dan 2 unit baik pulih.

SOALAN NO: 95

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1809

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan kadar jenayah di Wangsa Maju yang sentiasa meningkat, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menentang gejala ini dan sama ada pihak kementerian ingin menambahkan bilangan pegawai polis di kawasan ini dan apakah tindakan tegas yang akan diambil terhadap "snatch thieves".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi kawasan Parlimen Wangsa Maju pada tahun 2007 adalah sebanyak 1,883 kes. Pada tahun 2008 jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 1,798 iaitu 85 kes atau -4.51% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian kepada penurunan kes Jenayah Indeks merupakan menifestasi komitmen pihak polis dalam menjaga keselamatan orang ramai, khususnya di kawasan Wangsa Maju.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah jangka pendek, pihak polis telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan operasi khas bagi kawasan Daerah Kuala Lumpur khususnya Wangsa Maju. Operasi khas ini dibuat dalam 2 fasa iaitu dari 15 Mac 2009 hingga 14 April 2009 dan dari 15 April 2009 hingga 15 Mei 2009. Bagi fasa pertama operasi, jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan sebanyak 364 kes. Manakala, bagi fasa kedua operasi ini, jumlah Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 344 iaitu menurun

sebanyak 20 kes atau – 10.42%.Usaha ini akan dilaksanakan berterusan demi menjaga keselamatan orang awam. Meskipun begitu, adalah masih terlalu awal bagi pihak polis untuk menilai keberkesanan operasi yang dijalankan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah jangka masa panjang, pihak polis sedang melaksanakan rancangan untuk menambah keanggotaan bagi Balai Polis Wangsa.

SOALAN NO: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1810

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sampai bila syarat-syarat yang dikenakan ke atas lima orang bekas tahanan ISA dari Hindraf akan dibatalkan dan apakah rasional pihak berkuasa mengenakan syarat-syarat berkenaan sedangkan tiada bukti menunjukkan kelima-lima mereka itu ancaman kepada keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, orang tahanan akan diberikan kebebasan bersyarat dengan tujuan untuk memantau dan memastikan bahawa mereka tidak melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara ataupun menjejaskan ketenteraman awam. Kerajaan hanya akan membatalkan syarat-syarat yang ditetapkan apabila berpuashati bahawa tiada tanda-tanda yang menunjukkan mereka masih terlibat di dalam sebarang kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam.

SOALAN NO: 97

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.06.2009

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya levi sebanyak RM200 dikenakan kepada lori yang mengeksport barangan melalui Kastam Johor Bharu sahaja tetapi dikecualikan di kastam lain.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, levi dikenakan ke atas lori yang mengeksport barangan melalui Kastam Johor Bharu dan tidak di stesen kastam lain adalah bagi memastikan pelabuhan tempatan khususnya Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas berdaya saing.

NO : 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' SERI ONG KA TING**
		(KULAI)
TARIKH	**:**	**18.06.2009**
NO. SOALAN	**:**	**98**

DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan telah siap mengkaji semula Garis Panduan Penyertaan Asing dalam Sektor Pengedaran Perdagangan yang diguna pakai secara pentadbiran antara tahun 2007 hingga 2008. Jika belum, adakah Kerajaan menimbang untuk tidak melaksanakannnya.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kementerian sedang di dalam peringkat akhir pindaan terhadap Garispanduan Penyertaan Asing Dalam Perdagangan Pengedaran.

Konsultasi yang berterusan dengan pihak industri telah diadakan sejak 2006 sehingga membawa kepada keputusan Jemaah Menteri pada 14 November 2008 yang antara lain meliberalisasikan syarat pematuhan pegangan ekuiti Bumiputera. Kementerian seterusnya telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Garis Panduan Penyertaan Asing dalam

Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia selaras dengan keputusan Jemaah Menteri tersebut dan maklumbalasn daripada pihak industri.

Pada tahun 2009, beberapa siri konsultasi telah diadakan bersama pihak industri bagi mendapatkan pandangan berkenaan cadangan pindaan garis panduan tersebut. Hasil konsultasi memberi indikasi bahawa pengusaha asing dan tempatan mempunyai pandangan yang berbeza mengenai beberapa peruntukan di dalam garis panduan tersebut.

Pada ketika ini, Kementerian tidak berhasrat untuk tidak melaksanakan garis panduan tersebut memandangkan ia merupakan satu garis panduan yang di antara lain menggariskan tatacara kelulusan ke atas permohonan oleh syarikat asing untuk menjalankan aktiviti perdagangan pengedaran dalam kategori-kategori tertentu di negara ini.

SOALAN NO: ~~105~~ 99

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1811

SOALAN :

TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah pihak PDRM dan JPJ sering kali mengadakan sekatan jalan raya di selekoh merbahaya, adakah tindakan itu dibenarkan oleh undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pemilihan tempat untuk mengadakan sekatan jalan raya adalah dibuat berdasarkan kepada tiga keadaan iaitu bagi tujuan menjaga ketenteraman awam, mencegah jenayah dan kawalan trafik.

Bagi tujuan menjaga ketenteraman awam, pemilihan kawasan kawalan dibuat atas beberapa matlamat seperti untuk menghalang kumpulan yang menunjuk perasaan, untuk mengelak kehadiran orang ramai daripada berkumpul secara haram di tempat-tempat awam. Ini secara tidak langsung akan dapat memastikan ketenteraman awam di sesuatu tempat terpelihara.

Bagi tujuan pencegahan jenayah, pemilihan lokasi adalah dibuat dengan matlamat untuk mencegah dan menyekat laluan yang dijangka digunakan oleh suspek untuk melepaskan diri selain untuk mengepung kawasan di mana penjenayah berada bagi memastikan mereka tidak dapat memboloskan diri.

Kriteria pemilihan dibuat berdasarkan kepada beberapa elemen seperti 'natural hurdle' iaitu halangan semulajadi seperti sungai, jambatan dan jalan raya laluan selorong bagi membantu pihak polis mengelakkan kebocoran atau penjenayah dapat melepaskan diri.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah keadaan biasa, pihak polis akan mengelak daripada membuat sekatan jalan raya di tempat-tempat yang boleh menyebabkan gangguan trafik seperti di kepala jambatan atau laluan-laluan sibuk. Walau bagaimanapun, di bawah keadaan tertentu seperti pelaksanaan operasi-operasi untuk mencegah kesalahan trafik seperti Ops Tapis dan untuk mencegah "samseng jalanan", pemilihan dibuat di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan aktiviti kesalahan tersebut dilakukan yang mana menjadi tumpuan orang ramai pada hujung minggu. Ini sama sekali tidak dapat dielakkan oleh kerana penguatkuasaan adalah lebih efektif sekiranya dilaksanakan di bawah keadaan ini.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dan dewan yang mulia ini tindakan pihak polis mengadakan sekatan jalanraya adalah selaras dengan peruntukan seksyen 29 Akta Polis 1967.

SOALAN NO: 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
[SRI GADING]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1812

SOALAN:

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang benar-benar berkesan boleh diambil untuk menangani mat rempit dan kes ragut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian memandang serius perkara ini dan telah merangka pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menangani gejala rempit (samseng jalanan) dan jenayah ragut.

Bagi pelan tindakan jangka pendek, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengadakan operasi-operasi Lumba Haram dan Ops Lejang (Motosikal) secara besar-besaran dan berterusan di seluruh negara. Hasil daripada 1,465 operasi Lumba Haram yang diadakan, seramai 113 orang samseng jalanan telah ditangkap dan 33 orang daripadanya telah didakwa di Mahkamah.

Pihak polis juga telah mengadakan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung aktiviti lumba haram dan samseng jalanan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh jangka panjang, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertujuan untuk menangani isu ini secara bersepadu dan menyeluruh. Jawatankuasa Bersama berkenaan akan menumpukan kepada aspek-aspek berikut:-

(i) Pindaan dan penambahbaikan perundangan yang sedia ada;
(ii) Pelan tindakan penguatkuasaan dan operasi;
(iii) Pemulihan dan kaunseling;
(iv) Pelaksanaan program dan aktiviti bagi golongan sasaran (belia dan remaja); dan
(v) Kesedaran awam.

Tuan Yang Dipertua,

Saya yakin dengan usaha pihak polis mengambil tindakan menerusi operasi-operasi bersepadu Lumba Haram serta Ops Lejang (Motosikal) dapat membendung aktiviti jenayah menggunakan motosikal sebagai pengangkutan telah berjaya mengurangkan kadar jenayah ragut dengan ketara. Pada masa ini, pihak polis sedang melaksanakan Ops Rentap/Samun Tepi Jalan bertujuan menangani jenayah ragut dan samun tepi jalan bermula pada 1 Jun 2009 hingga

30 Jun 2009. Sepanjang tempoh pelaksanaan operasi-operasi tersebut, jumlah kes ragut dan samun tepi jalan yang dicatatkan adalah kecil dan berkurangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD**
TARIKH	:	**18 JUN 2009 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**NO.101**

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kegawatan ekonomi global masa kini memberi kesan kepada daya saing dan sumber pendapatan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Apakah rancangan dan strategi Kementerian untuk membantu IPTS seluruh negara supaya mengekalkan daya saing dan mengurangkan kesan kegawatan ekonomi dunia semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini IPTS yang bertaraf Universiti dan Kolej Universiti tidak terjejas dengan kegawatan ekonomi global. Walaupun terdapat beberapa IPTS yang melaporkan penurunan pengambilan pelajar, namun secara keseluruhan terdapat peningkatan kemasukan pelajar ke IPTS iaitu seramai 51,127 orang pada tahun 2008. Enrolmen pelajar IPTS tahun 2008 ialah seramai 450,531 orang berbanding tahun 2007 seramai 399,404 orang.

Kementerian sememangnya sedar daya saing IPTS turut menjadi faktor penting dalam mengukuhkan sektor pendidikan tinggi di negara ini. Justeru, pelbagai langkah dan strategi telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing dan kualiti IPTS sedia ada. Antara langkah yang diambil ialah:-

i. menyediakan insentif tambahan, potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan latihan dalam bidang tertentu dan pengecualian cukai pegangan bagi bidang tersebut di samping empat belas insentif sedia ada;

ii. IPTS terutamanya yang bertaraf kolej digalakkan untuk menawarkan program kerjasama dengan IPTA tempatan dalam menawarkan program peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Bagi IPTS yang besar, mereka adalah digalakkan untuk menawarkan program kerjasama dengan IPT luar negara;

iii. menggalakkan badan-badan penajaan seperti JPA, MARA, Petronas, Telekom, TNB dan lain-lain untuk menghantar pelajar-pelajar tajaan mereka di IPTS terutama di peringkat Universiti dan Kolej Universiti;

v. menggalakkan IPTS mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan. Melalui kaedah ini IPTS yang berkemampuan digalakkan untuk membuat pelaburan di negara lain;dan

vi. menggalakkan penggabungan IPTS yang bersaiz kecil dan kurang maju supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Soalan No : 102

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)**

TARIKH : **18.06.2009**

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah pencapaian Pelan Induk Pembangunan Pendidikan secara keseluruhannya dan jelaskan kejayaan dari segi pencapaian akademik dan sahsiah pelajar, serta dalam usaha merapatkan jurang pendidikan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah berjaya melaksanakan semua program yang dirancang. Sehingga kini, setiap teras telah pun berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dari segi *output*, manakala *outcome* program ini masih dalam peringkat kajian. Sehingga Disember 2008, prestasi pencapaian pelaksanaan dalam PIPP dalam setiap teras telah berjaya ditingkatkan. Secara keseluruhan, pelaksanaan hampir 300 pelan tindakan dalam kesemua teras telah berjaya mencapai 80 hingga 100 peratus sasaran seperti yang dirancang, manakala selebihnya pelan tindakan berjaya mencapai antara 50 peratus dan kurang 80 peratus dan selebihnya tidak berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dalam tahun 2008. Perkara ini membuktikan bahawa pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya komited dalam menjayakan PIPP. Walau bagaimanapun, untuk

pelan tindakan yang masih belum mencapai sasaran, maka setiap bahagian yang terlibat perlulah mengenalpasti segala cabaran tersebut bagi memastikan matlamat PIPP 2006 – 2010 dapat dicapai. Ini dapat dilihat melalui Kad Laporan PIPP yang dikeluarkan dua kali setahun.

Dalam melaksanakan PIPP, matlamat utama adalah untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dari semua aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi membina negara bangsa Malaysia yang bersatu padu. Dalam melahirkan modal insan yang diingini negara, maka KPM tidak memberi penekanan kepada pencapaian akademik semata-mata, oleh sebab ini KPM telah meminda sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada supaya lebih menyeluruh serta memberi penekanan kepada pencapaian keseluruhan pelajar. Sekiranya pencapaian akademik, dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada pencapaian sesuatu program, maka didapati bahawa pencapaian akademik bagi tahun 2008 untuk peperiksaan SPM telah melebihi sasaran yang ditetapkan, namun untuk UPSR dan PMR masih belum mencapai sasaran. Dari segi merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar, didapati bahawa pencapaian pelajar untuk bagi SPM dan PMR telah memcapai sasaran iaitu berjaya dikurangkan sebanyak 0.5 peratus, tetapi untuk UPSR sasaran ini masih belum dicapai. KPM akan terus berusaha supaya KPI ini akan dapat mencapai sasaran pada tahun 2009.

NO. SOALAN:

NO. SOALAN: 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi cuti bergaji penuh 60 hari kepada kakitangan Kerajaan yang bersalin anak ke enam dan seterusnya dalam usaha menggalakkan kelahiran bagi mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang 2020.

NO. SOALAN:

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar Cuti Bersalin, Cuti Isteri Bersalin (*paternity*) atau Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat (*bereavement*) yang sedang berkuat kuasa sekarang. Kerajaan juga tidak bercadang untuk memberi cuti bersalin kepada anak ke enam dan seterusnya. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini adalah memadai.

Cuti Bersalin diperuntukkan sebanyak 60 hari bagi setiap kali bersalin dan sebanyak 5 kali sepanjang perkhidmatan. Selain daripada itu, kemudahan Cuti Menjaga Anak sehingga maksimum 5 tahun atau 1,825 hari untuk tujuan menyusu dan menjaga anak telahpun disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO:104

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri**
[BAGAN SERAI]

TARIKH : **18 Jun 2009**

SOALAN : **Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri** **[BAGAN SERAI]** minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan:

(a) Tindakan dan langkah yang telah diambil dalam usaha menaiktaraf sistem saliran dan perparitan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi; dan

Bagi meningkatkan lagi pengeluaran padi sebagai menjamin bekalan makanan negara, bermula tahun 2008 di bawah Dasar Jaminan Makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian kini sedang giat melaksanakan program-program bagi menaiktaraf skim-skim pengairan padi di seluruh Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik dan bersesuaian dengan kaedah pertanian moden. Tindakan dan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

(a) Menaiktaraf taliair tanah kepada taliair konkrit

(b) Menaiktaraf ban dan jalan ladang

Rm 0.50 ke Rm 1.00 se meter panjang. Kadar ini adalah berdasarkan kepada penggunaan mesin rumput. Amalan penggunaan racun adalah tidak dibenarkan kerana dalam jangka masa panjang ia akan menjejaskan kestabilan tebing selain akan menjejaskan kualiti air pengairan.

(c) Menaiktaraf parit buang atau saliran

(d) Menambahbaik dan mengenalpasti sumber air yang baru untuk kegunaan pengairan

(e) Menggantikan dan menaiktaraf komponen-komponen mekanikal seperti sistem pam, pintu air , *farm off-take* dan sebagainya.

Jawapan (b) : Kerja-kerja pembersihan parit yang terlibat adalah terdiri daripada kerja memotong rumput di sepanjang tebing dan juga membuang sampah / halangan dalam parit atau taliair. Kadar bayaran bagi kerja-kerja pembersihan parit dan taliair adalah berbeza-beza bergantung kepada lokasi. Secara amnya kadar bayaran adalah di antara

SOALAN NO: 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

(a) berapakah peruntukan Kementerian bagi Kempen Galakan Membaca; dan

(b) nyatakan berapakah Perpustakaan Desa yang telah didirikan dan jumlah peruntukan Aktiviti Kempen Gerakan Membaca disediakan di setiap Perpustakaan Desa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta setahun untuk tempoh lima tahun bagi melaksanakan Kempen Galakan Membaca Kebangsaan bermula tahun 2006 sehingga tahun 2010. Bagi tahun 2008 dan 2009, kementerian menerima peruntukan lebih rendah daripada peruntukan yang telah ditetapkan iaitu RM3.2 juta

(2008) dan RM1.85 juta (2009) bagi melaksanakan Kempen Galakan Membaca.

Pelaksanaan Kempen Membaca telah diadakan di setiap negeri di seluruh negara. Pada tahun 2008 sahaja terdapat 441 program Kempen Membaca telah diadakan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta di seluruh negara.

Berdasarkan perancangan pembangunan perpustakaan desa melalui Perpustakaan Negara Malaysia, setiap kawasan Parlimen/ Dewan Undangan Negeri (DUN) akan disediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit Perpustakaan Desa (PD) samada dibina bangunan baru atau menggunakan bangunan sedia ada. Daripada 576 kawasan DUN di seluruh negara, sebanyak 407 kawasan DUN telah mempunyai perkhidmatan PD. Sehingga kini, sebanyak 1,089 unit PD telah diwujudkan di kawasan luar bandar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 475 unit PD yang dibina di seluruh negeri adalah di bawah Kerajaan Persekutuan dan diurus tadbir oleh Perpustakaan Negara Malaysia manakala bakinya diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri.

Peruntukan bagi menggerakkan Kempen Membaca di setiap perpustakaan desa adalah tidak tetap dan berbeza-beza dari setahun ke setahun bergantung kepada kemampuan peruntukan kewangan kementerian. Pada tahun 2006, peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan dan disalurkan kepada 200 buah PD untuk menjalankan aktiviti galakan membaca. Manakala bagi tahun 2007 dan 2008,

kementerian telah menyalurkan sebanyak RM50 ribu kepada setiap negeri untuk menjalankan aktiviti galakan membaca di PD yang diurus tadbir oleh Perpustakaan Awam Negeri. Pada tahun 2009, atas faktor kemelesetan ekonomi, kementerian hanya menyalurkan sebanyak RM15 ribu sahaja kepada setiap negeri bagi menjalankan aktiviti kempen galakan membaca di perpustakaan desa.

SOALAN 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
TARIKH	**:**	**18 JUN 2009**
SOALAN	**:**	**Meminta MENTERI PELANCONGAN Menyatakan:**

tindakan tegas yang akan diambil terhadap pekerja, pengurus dan pengarah Syarikat Pempena dahulu dan kini telah didapati meyeleweng dan menyebabkan kerugian sekurang-kurangnya RM34juta dalam laporan audit yang telahpun disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Audit Pengurusan Kewangan ke atas Pempena Sdn Bhd (Pempena) oleh Jabatan Audit Negara telah mengenalpasti beberapa kesalahan oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah Pempena Sdn Bhd.

Bagi semua kesalahan-kesalahan berkenaan, Pempena Sdn Bhd telah membuat laporan kepada Polis DiRaja Malaysia, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Selain itu, dua orang anggota Pengurusan Kanan Pempena Sdn Bhd yang mungkin terlibat melakukan kesalahan-kesalahan berkenaan telah pun digantung tugas mereka sehingga siasatan selesai.

NO. SOALAN:

NO. SOALAN: 107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN a/l FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk meningkatkan cuti kakitangan awam seperti berikut:

a. cuti bersalin dari 2 bulan kepada 3 bulan;

b. cuti bersalin suami (*paternity*) dari 1 minggu kepada 2 minggu; dan

cuti kesedihan (*bereavement*) dari 3 hari kepada 1 bulan.

NO. SOALAN:

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan oleh Y.B. Pasir Puteh yang dibangkitkan dalam Dewan pada hari ini memandangkan kedua-duanya adalah mengenai perkara yang sama iaitu kemudahan Cuti Bersalin dan cuti-cuti yang berkaitan dengannya bagi penjawat awam.

Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar Cuti Bersalin, Cuti Isteri Bersalin (*paternity*) atau Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat (*bereavement*) yang sedang berkuat kuasa sekarang. Kerajaan juga tidak bercadang untuk memberi cuti bersalin kepada anak ke enam dan seterusnya. Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini adalah memadai.

Cuti Bersalin diperuntukkan sebanyak 60 hari bagi setiap kali bersalin dan sebanyak 5 kali sepanjang perkhidmatan. Selain daripada itu, kemudahan Cuti Menjaga Anak sehingga maksimum 5 tahun atau 1,825 hari untuk tujuan menyusu dan menjaga anak telahpun disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan kenapa National Slope Master Plan yang telah dijanji akan disiapkan dan dikuatkuasakan pada tahun 2008 untuk menjaga keselamatan cerun-cerun di Malaysia dan memantau pembangunan di cerun-cerun masih tidak diumumkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kajian Pelan Induk Cerun Negara (PICN) telah siap pada tahun 2008 dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009. Cadangan pelaksanaan PICN ini masih di peringkat penambahbaikan dan akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat.

Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan semasa dalam menangani masalah tanah runtuh, sebahagian daripada cadangan pelan tindakan dari PICN ini telah pun dilaksanakan oleh Kementerian ini seperti berikut:

a) Melaksanakan kajian terperinci kawasan berisiko tinggi tanah runtuh.
b) Melaksanakan kerja-kerja mitigasi untuk cerun-cerun yang berisiko tinggi.
c) Membuat kajian mengenai sistem amaran awal bagi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.
d) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam berkaitan keselamatan cerun.

Soalan No : 109

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG)**
TARIKH	:	**18.06.2009**

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kementerian dalam memperkasakan Tulisan Jawi di sekolah-sekolah kerajaan. Adakah kerajaan berhasrat memberikan insentif khas kepada guru-guru yang mengajar Tulisan Jawi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan amat menitik berat penguasaan murid-murid sekolah dalam tulisan jawi. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan sebagai usaha memperkasa tulisan jawi adalah seperti berikut:

1. Pelajaran jawi diajar satu waktu seminggu bermula tahun satu sehingga tahun enam;
2. Mewujudkan Kelas Pemulihan Jawi dalam Program j-QAF bagi memulihkan murid-murid yang belum menguasai tulisan jawi;
3. Menubuhkan kelab jawi di sekolah rendah;
4. Menggunakan sisipan akhbar jawi Utusan Malaysia dalam bilik darjah sebagai bahan bantu mengajar;

5. Menyediakan soalan-soalan peperiksaan dalaman bagi mata pelajaran Pendidikan Islam;dan
6. penulisan Buku Teks Pendidikan Islam dalam tulisan jawi.

Setakat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) belum bercadang untuk memberikan insentif khas kepada guru-guru yang mengajar Tulisan Jawi

Rjm 38

SOALAN NO.110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HAJI WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH. (KOTA BHARU)

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan berhasrat menambah bilangan Ahli SPR supaya meliputi wakil-wakil Parti Politik utama dalam negara.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan Ahli SPR supaya meliputi wakil Parti Politik Utama. Kerajaan percaya jumlah Ahli SPR yang ada sekarang dan komposisi Ahli-ahli SPR adalah menepati matlamatnya untuk menjadi sebuah badan yang mengendalikan pilihan raya secara bebas. Sekiranya Ahli-ahli SPR diwakilkan oleh parti politik, sudah pasti SPR sukar untuk menjalankan tugasnya kerana sentiasa dipengaruhi oleh kepentingan parti-parti politik yang terlibat. Keadaan ini menyebabkan SPR tidak akan mendapat kepercayaan awam, seperti mana yang diperuntukkan oleh Fasal (2) Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan : 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bahawa kepentingan kaum Bumiputera termasuk 'Hak Keistimewaan Melayu' yang dijamin dalam Perlembagaan di bawah Fasal 153 tidak terjejas di bawah dasar liberalisasi 1 Malaysia.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu yang diutarakan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Jun 2009 dimana dengan jelas telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa "gagasan 1 Malaysia kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti Perkara 3, Perkara 4, Perkara 152, Perkara 153, bahagian 2 dan bahagian 3 sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan".

Oleh itu tidak wajar timbul sebarang kebimbangan tentang terhakisnya kepentingan kaum bumiputera termasuk 'Hak Istimewaan Melayu' di bawah dasar ini.

Ssekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB

TARIKH: 18 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [Baling] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah rakyat tempatan yang telah dibuang kerja dan masih belum mendapat kerja tetap dan apakah langkah Kerajaan untuk menyelamatkan pekerja tempatan yang telah dibuang kerja.

PR-022-L19922

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pekerja tempatan yang diberhentikan kerja akibat kelembapan ekonomi global bagi tempoh Oktober 2008 hingga 17 Jun 2009 adalah berjumlah 29,348 orang. Seramai 10,,989 pekerja tempatan yang diberhentikan kerja berjaya ditempatkan semula manakala 18,359 orang masih belum mendapat kerja tetap.

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak Kerajaan adalah komited dalam menangani masalah pemberhentian kerja akibat kelembapan ekonomi. Dalam mengatasi masalah ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

i. Mewujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat kebangsaan dan negeri yang melibatkan pihak majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.

ii Penubuhan 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara bagi membantu penempatan pekerjaan.

iii. Menyediakan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja (GPPP) sebagai panduan kepada majikan berkaitan pengurusan pemberhentian pekerja.

iv. Menganjurkan Program Penempatan Pekerjaaan (3P) *(Jobs Placement Program)* sekali sebulan di 15 lokasi seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temu duga terbuka.

v. Melaksanakan program latihan dan penempatan *(Train & Place)* bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, belia dan siswazah menganggur untuk membolehkan mereka mendapat kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa.

Selain daripada itu, KSM akan melaksanakan Program *Train and Retain* bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara *(lay-off)*. Pelatih akan diberi latihan dalam pelbagai bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di subsektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing yang diberhentikan kerja sebelum tamat tempoh kontrak perkhidmatan akan

dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin bertujuan untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan.

SOALAN NO: 113

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1813

SOALAN :

PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan terbaru oleh PDRM untuk mencegah dan membanteras kejadian jenayah yang semakin menggerunkan seperti penculikan, pembunuhan, ragut dan rompak. Nyatakan punca-punca masalah jenayah yang semakin mengganas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa mempertingkatkan usaha pencegahan jenayah di seluruh negara bagi memastikan keamanan dan keselamatan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara dan terjamin. Di antara langkah jangka masa pendek yang telah diambil ialah seperti memberikan penumpuan terhadap kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah (*crime prone area*) dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi di seluruh negara. Sebagai permulaan, jumlah penugasan anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan serta pencegahan jenayah di kawasan yang dikenalpasti akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Rondaan turut dibuat menggunakan pelbagai kaedah seperti menggunakan kereta peronda MPV, rondaan bermotosikal dan anggota bit secara berjalan kaki bagi kawasan-kawasan sesak dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan.

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai langkah jangka masa sederhana, balai atau pondok polis komuniti turut diwujudkan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi

tumpuan orang ramai dan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Ini bagi menjamin kehadiran anggota polis secara konsisten di kawasan-kawasan tersebut. Di samping itu, pihak polis turut menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat setempat seperti melalui program Rakan Cop, perjumpaan dengan kumpulan masyarakat, ahli jawatankuasa rukun tetangga dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membanteras jenayah dengan lebih berkesan. Tambahan pula, melalui pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang kini diselia oleh pihak polis, kegiatan jenayah di kawasan-kawasan yang mempunyai liputan dapat dikesan dengan lebih pantas dan efektif terutama sekali dalam usaha mengesan penjenayah. Sebagai permulaan, pihak polis telah melancarkan sistem integrasi CCTV dan MERS 999 (Malaysia Emergency Response Service-Perkhidmatan Talian Kecemasan 999). Aplikasi sistem tersebut membolehkan pusat kawalan di Balai Polis Cyeberjaya melihat secara *real time* situasi yang berlaku melalui 30 CCTV yang dipasang, dan beroperasi 24 jam sehari di persimpangan trafik dan jalan-jalan utama di Cyberjaya.

Sebagai langkah jangka masa panjang, pihak polis kini sedang membangunkan projek *Central Intelligence Unit* (CIU) yang bakal berfungsi sebagai gerbang maklumat bagi memantapkan mutu penyiasatan serta risikan. Ini bersesuaian dengan perkembangan trend dan modus operandi jenayah yang semakin kompleks dan sofistikated. Projek ini telah diluluskan di bawah PS5T (Pelan Strategik 5 Tahun) yang diberi nama *e-Police Solution* dan masih menanti tempoh untuk pelaksanaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di antara faktor-faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada peningkatan jenayah di negara ini ialah pertambahan penduduk yang tinggi di mana secara purata, pertambahan penduduk di Malaysia dianggarkan sebanyak 500,000 orang setahun. Faktor ini turut menyumbang kepada masalah sosial dan kadar peningkatan jenayah. Selain itu, tahap kesedaran, keprihatinan serta pengetahuan rakyat mengenai hak-hak mereka untuk melaporkan kepada pihak polis sekiranya berlaku jenayah terhadap diri atau di kawasan mereka turut menyebabkan jumlah report menjadi meningkat. Pihak polis mengalu-alukan mana-mana pihak yang menjadi mangsa perlakuan jenayah untuk tampil membuat laporan polis. Selain itu, faktor kepesatan pembangunan dan penduduk di Malaysia menyebabkan kekuatan pasukan polis tidak seimbang. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Kerajaan telah meluluskan penambahan keanggotaan sebanyak 60,000 orang yang dijangka akan dicapai menjelang tahun 2011 atau 2112.

SOALAN NO. (114)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS)

TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa lamakah masa yang diperlukan bagi membolehkan rumah-rumah terbengkalai diambilalih oleh Kementerian untuk dibaik pulih.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mengambilalih sebarang projek perumahan swasta yang terbengkalai. KPKT hanya memainkan peranan sebagai mediator antara pembeli, pemaju dan pihak pembiaya di dalam urusan pemulihan projek perumahan swasta yang terbengkalai. Tindakan pemulihan yang boleh diambil oleh Kementerian ini sebagai mediator adalah seperti berikut:

1) Projek perumahan dipulihkan oleh pemaju asal;

2) Projek perumahan dipulihkan oleh pemaju penyelamat (white knight); dan

3) Projek perumahan dipulihkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2009.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN [115] : Y.B. Kulasegaran a/l Murugeson minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

a) Kenapakah Malaysia berniat untuk memberhentikan percubaan untuk meneliti dan mencela segala rekod Hak Asasi Manusia di Sri Lanka semasa peperangan menentang LTTE ; dan

b) Jumlah wang dan lain–lain yang disalurkan oleh Malaysia kepada Sri Lanka serta tahap kepastian di mana wang disalurkan sebenarnya dibelanjakan bagi pemulihan pelarian Tamil.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Ipoh Barat ini bersama dengan soalan–soalan YB Batu Kawan pada 22 Jun 2009, YB Sungai Siput pada 23 Jun 2009 dan YB Klang pada 30 Jun 2009 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berkenaan atas soalan–soalan yang dikemukakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita semenjak mencapai kemerdekaan, telah mengamalkan secara konsisten, dasar luar yang berteraskan prinsip–prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan integriti wilayah serta tidak mencampuri urusan dalaman negara–negara lain. Untuk itu, Malaysia dilihat oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengenai konflik di Sri Lanka, Malaysia melihatnya sebagai isu dalaman negara berkenaan. Selaras dengan dasar luar negara yang berteraskan kepada prinsip–prinsip tersebut, Malaysia mengambil berpendirian bahawa Sri Lanka, sebagai negara merdeka dan berdaulat,

mempunyai hak untuk mengurus dan menyelesaikan sendiri perkara–perkara berkaitan konflik dalaman negara tersebut dengan sebaik–baiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan Sri Lanka telah mengundang Setiausaha Agong PBB, Ban Ki–Moon melawat negara itu pada 23 Mei 2009. Lawatan tersebut bertujuan antara lain, untuk membolehkan Setiausaha Agong PBB melihat dengan lebih dekat perkembangan di Sri Lanka.

6. Semasa lawatan tersebut, Kerajaan Sri Lanka telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan berusaha keras menghasilkan satu penyelesaian nasional yang boleh diterima segenap lapisan masyarakat negara itu. Pihaknya turut melahirkan keinginan memulakan proses dialog lebih luas melibatkan semua parti politik termasuk yang mewakili kepentingan masyarakat berketurunan Tamil tempatan dan seterusnya, memperkukuhkan proses tersebut demi membawa keamanan dan pembangunan berpanjangan di Sri Lanka.

7. Pada masa yang sama, Kerajaan Sri Lanka telah menekankan kesediaan pihaknya untuk memberi setinggi–tinggi komitmen dalam memupuk dan memelihara hak–hak asasi manusia bagi memenuhi piawai–piawai hak asasi manusia antarabangsa selaras dengan penekanan yang telah dibuat oleh Setiausaha Agong PBB mengenai pentingnya proses kebertanggungjawaban untuk mengendalikan kes–kes pencabulan undang–undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa. Perkara–perkara ini termaktub dalam penyataan

bersama antara Kerajaan Sri Lanka dan Setiausaha Agong PBB yang dikeluarkan di akhir lawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Susulan lawatan tersebut, Majlis Hak Asasi Manusia PBB juga telah mengadakan sesi khas di Geneva, Switzerland pada 26 Mei 2009 bagi membincangkan kedudukan hak asasi manusia di Sri Lanka. Sesi Khas berkenaan menyaksikan draf resolusi Sri Lanka diterima. Resolusi tersebut menyediakan ruang kukuh kepada Sri Lanka untuk memberi tumpuan intensif kepada program–program pemulihan serta pembangunan dan penyatuan semula dengan memberi penekanan kepada prinsip–prinsip menghormati hak–hak asasi manusia, hak kesemua kelompok etnik termasuk masyarakat etnik Tamil tempatan.

9. Malaysia menyokong draf resolusi berkenaan kerana ianya selaras dengan pendirian negara berhubung dengan konflik di Sri Lanka. Selain itu, draf resolusi tersebut memberi tumpuan antara lain, kepada prinsip kebebasan, kedaulatan dan integriti wilayah sebagai asas kerjasama antarabangsa termasuk dengan PBB. Draf resolusi itu turut mendapat sokongan negara–negara Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam yang menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada Kerajaan Sri Lanka dalam usahanya menjayakan program kemanusiaan kepada mangsa–mangsa konflik berkenaan, Kerajaan Malaysia telah mengambil

keputusan menghulurkan bantuan kemanusiaan sebanyak USD 100 ribu kepada Kerajaan Sri Lanka. Bantuan tersebut akan digunakan Kerajaan Sri Lanka dalam pembelian makanan dan ubat–ubatan serta melaksanakan projek perumahan sementara untuk mangsa–mangsa konflik berkenaan. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Sri Lanka bagi memastikan supaya semua bantuan kemanusiaan masyarakat antarabangsa dapat disalurkan kepada mereka yang disasarkan secara berkesan.

Soalan No : 116

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)
TARIKH	:	18.06.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan secara terperinci kegunaan peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah RMK-9 untuk Sekolah Bantuan Kerajaan setakat ini. Nyatakan sekolah-sekolah yang telah menerima peruntukan, jumlah dan tujuan peruntukan diberi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah RMKe-9, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal) yang terdiri daripada SJKC,SJKT, SABK dan Sekolah Mubaligh(Mission School). Walau bagaimanapun, pihak Kementerian tidak menetapkan jumlah pecahan peruntukan mengikut aliran sekolah tertentu tetapi berasaskan kepada keutamaan terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan sekolah dan keselesaan pembelajaran dan pengajaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN NO : 117

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SALLEH BIN KALBI**
		(SILAM)
TARIKH	:	**18.06.2009**
NO. SOALAN	:	**117**

TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu usahawan tani Bumiputera berkaitan pemasaran produk bagi menembusi pasaran seperti Giant dan Carrefour bagi membolehkan mereka menembusi pasaran 'hypermarket' tanpa khidmat orang tengah.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melaksanakan beberapa program setiap tahun bagi membantu usahawan tani Bumiputerra dalam memasarkan produk keluaran mereka tanpa melalui orang tengah. Kementerian

berkerjasama rapat dengan FAMA dalam membantu memasarkan produk usahawan tani Bumiputera.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi membantu usahawan tani Bumiputera adalah dengan menganjurkan program pembangunan perniagaan yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan memberi khidmat nasihat berkenaan produk-produk yang akan dipasarkan ke pasaraya besar asing. Kerjasama akan dijalankan dengan persatuan bukan Kerajaan (NGO) bagi mendedahkan usahawan tani Bumiputera kepada dunia pemasaran yang lebih luas.

Kementerian juga mengadakan program promosi "PRODUK MALAYSIA CITARASA KITA" (PMCK) untuk mempromosi produk yang berasaskan makanan. Program ini dijalankan bersama dengan pasaraya besar asing seperti Carrefour, Giant, Tesco dan Jusco. Sebanyak 11 program dijadual diadakan setiap tahun. Program ini juga bertujuan untuk mempromosi produk usahawan tani Bumiputera yang baru bagi disenarai tetap di pasaraya besar asing. Program ini telah dimulakan semenjak tahun 2003. Sehingga kini, sebanyak 36 program telah dianjurkan.

Selain itu, kementerian juga akan menganjurkan secara agresif beberapa siri program *'Business Matching'* secara berkala dengan kerjasama kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan (MATRADE, MARDI DAN MARA) untuk mengenal pasti usahawan Bumiputera yang mempunyai produk yang berpotensi untuk disenarai tetap di pasaraya besar asing. Melalui program ini, usahawan tani Bumiputera dan pasaraya

pasaraya besar asing ditemukan dalam satu sesi suaian perniagaan agar pasaraya besar asing akan dapat terus membuat pemilihan produk-produk yang berpotensi di senarai tetap.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Henry Borromeo Anak Nyirop
Bahagian Pembangunan Perniagaan

DISEMAK OLEH

Nama : Dato' Mohamed Elias Abu Bakar
Bahagian Pembangunan Perniagaan

DILULUSKAN OLEH

Nama : Encik Daud bin Tahir
Timbalan Ketua Setiausaha (PDN)

SOALAN NO: 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1814

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah sebab YAB Perdana Menteri tidak membebaskan tanpa syarat kesemua tahanan ISA pada awal bulan April selepas membebaskan 13 tahanan ISA; dan

(b) adakah Kerajaan mempunyai bukti yang kukuh membuktikan 3 tahanan ISA pada 1 April 2009 mempunyai hubung kait dengan Jemaah Islamiah serta ancaman keselamatan negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, semasa menjalani tempoh tahanan, orang tahanan akan mengikuti program pemulihan yang dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan dan mereka akan dinilai tahap pemulihan yang telah dicapai. Sehubungan dengan itu, penerusan atau perlanjutan sesuatu Perintah Tahanan itu akan diputuskan dengan mengambil kira syor daripada pelbagai pihak seperti Lembaga Penasihat dan Kementerian sama ada seseorang itu telah insaf, atau mencapai tahap pemulihan yang ditetapkan atau ditaksirkan telah tidak lagi mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara.

Sekiranya seseorang tahanan itu ditaksirkan telah pulih dan tidak lagi mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara, pastinya tahanan tersebut akan dibebaskan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tiada mengeluarkan sebarang Perintah Tahanan atau Perintah Sekatan di bawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada tarikh 1 April 2009. Namun begitu, pada 23 Mei 2009, Kerajaan telah mengeluarkan Perintah Tahanan ke atas dua (2) orang yang didapati terlibat dengan kegiatan dan aktiviti militan Jemaah Islamiah dan seorang telah dikenakan Perintah Sekatan atas penglibatan di dalam kegiatan yang sama.

NO : 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
TARIKH : 18 JUN 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO.119

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kesan dari segi pencapaian akademik, pembinaan sahsiah dan kepimpinan kepada siswazah apabila pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU):-

(a) apakah isu-isu yang dibangkitkan mahasiswa selama ini selesai setelah AUKU dipinda; dan

(b) sejauh mana kualiti mahasiswa di universiti awam berbanding universiti swasta dalam negara ini dan bagaimana ukuran ini dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas AUKU baru sahaja dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2009. Oleh itu, Kementerian berpandangan adalah lebih sesuai sekiranya pindaan ini diberi peluang untuk dilaksanakan terlebih dahulu untuk suatu tempoh yang munasabah. Pada masa ini adalah terlalu awal bagi

Kementerian membuat penilaian dari segi kesan pindaan AUKU terhadap pencapaian akademik, pembinaan sahsiah dan kepimpinan siswazah.

(b) Secara umumnya, tidak ada perbezaan yang ketara dari segi kualiti graduan IPTA dan IPTS. Semua IPT mengguna pakai standard piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

SOALAN NO : 120

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 18 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membina bangunan tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Kuching untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital itu yang begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menyedari akan masalah kesesakan Tempat Letak Kereta (TLK) bukan sahaja di Hospital Umum Sarawak tetapi juga di kebanyakan Hospital Negeri di seluruh negara. Salah satu alternatif yang difikirkan ialah dengan mengadakan pengurusan TLK sebagaimana yang telah dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur.

Bagi Hospital Umum Sarawak, projek TLK bertingkat bersekali dengan kompleks *Low Risk Birth Centre* telah ada dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan yang terhad, projek ini terpaksa ditangguhkan dan akan dicadangkan semula di bawah projek RMK-10.

SOALAN NO: 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)

TARIKH : 18 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa ramaikah pemimpin pembangkang yang dijemput oleh RTM untuk hadir dalam program-program bicara dan debat (talk show) sejak Mac 2008 dan oleh stesen-stesen penyiaran swasta.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

RTM memang turut menjemput para pemimpin parti pembangkang menyertai rancangan-rancangan terbitannya. Sejak Mac 2008, beberapa ahli politik parti pembangkang telah dijemput, antaranya Y.B. Tan Seng Giaw (Parlimen Kepong) menerusi rancangan `Isu'; rancangan `Bersemuka dengan Media' dengan menjemput Y.B. Salahudin Ayub (Ahli Parlimen Kubang Kerian) dan rancangan 'Isu

Khas' yang mengundang Y.B. Datuk Ibrahim Ali (Ahli Parlimen Pasir Mas). Di samping itu rancangan 'Parlimen Hari Ini' turut menemuramah empat (4) wakil rakyat pembangkang iaitu Y.B. Teresa Kok (Ahli Parlimen Seputih), Y.B. Lim Lip Eng (Ahli Parlimen Segambut), Y.B. Tuan Hj. Nasarudin Md. Isa (Ahli Parlimen Bachok) dan Y.B. Datuk Ibrahim Ali.

Di pihak stesen TV swasta pula , Media Prima telah menjemput enam (6) orang tokoh parti pembangkang bagi mengisi slot program Hujah di TV9, Debat TV3 dan *Point of View* di NTV7. Pemimpin pembangkang yang telah dijemput untuk mengupas mengenai isu yang berkaitan adalah Dato' Sri Anwar Ibrahim, Y.B. Lim Guan Eng, Y.B. Yusmadi Yusoff, Y.B. Tan Seng Giaw, Y.B. Khalid Samad dan Y.B. Tony Phua. Bagi stesen ASTRO AWANI, di antara pemimpin pembangkang yang dijemput untuk mengisi rancangan-rancangan debat sebegini ialah Y.B. Dr. Tan Seng Giaw, Y.B. Saifuddin Nasution, Y.B. Tian Chua, Y.B. Lim Guan Eng, Y.B. Datuk Seri Ir. Mohd Nizar Jamaluddin dan lain-lain lagi.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 18 JUN 2009

RUJUKAN : 1808

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dibuang di sempadan Malaysia-Thailand dalam tahun 2006, 2007 dan 2008 mengikut negara asal dan jantina PATI.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Pasport 1966 atau Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan Imigresen 1963. Seseorang warganegara asing dikategorikan sebagai PATI apabila melanggar syarat-syarat seperti berikut:

(i) Masuk dan tinggal di negara ini secara haram (Kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002);

(ii) Tinggal melebihi masa (tempoh) yang dibenarkan. (Kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63;

(iii) Menyalahgunakan Pas Lawatan/Permit Kerja yang dikeluarkan. (Kesalahan di bawah peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

(iv) Masuk/tinggal di negara ini atas dokumen perjalanan visa palsu. (Kesalahan di bawah 56(1)(1) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002)

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) **bagi tempoh 2007 hingga 2008 adalah didapati seramai 131,979 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap di seluruh negara melalui 14,338 operasi penguatkuasaan yang dijalankan**. Manakala dalam tempoh itu juga, **seramai 125,880 orang PATI telah diusir ke negara asal**.

Dalam hubungan ini juga, **jumlah PATI yang DIUSIR** setelah menjalani hukuman atas kesalahan yang dilakukan **melalui sempadan Malaysia – Thailand adalah seramai 5,281 orang (Tahun 2007 – 2,800 orang dan Tahun 2008 – 2,481 orang)**.